



JANUARI 1-15, 2020

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com

[buletinmutiara](https://www.facebook.com/buletinmutiara) | [ChowKonYeow](#)

[chowkonyeow](https://www.instagram.com/chowkonyeow)

[@ChowKonYeow](https://twitter.com/ChowKonYeow)

RM 13.3 billion

pelaburan

cipta 15,013 peluang pekerjaan baharu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang mencatatkan sejumlah RM13.3 bilion pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga September 2019 (Q3 2019) atau menyamai 247 peratus peningkatan, berbanding keseluruhan pelaburan yang diterima sepanjang tahun 2018, iaitu RM5.8 bilion.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menjelaskan bahawa sebanyak 113 projek pelaburan dalam sektor pembuatan berjaya dihipunkan di Pulau Pinang dengan mencipta kira-kira 15,013 peluang pekerjaan baharu.

"Pulau Pinang telah menyumbang 23 peratus bagi keseluruhan pelaburan dalam sektor pembuatan di Malaysia bagi tempoh tersebut, dengan RM13.3 bilion pelaburan yang diluluskan (oleh MIDA) merupakan di kedudukan kedua tertinggi berbanding negeri-negeri lain," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan & Komunikasi pada sidang media di sini 3 Disember 2019.

Turut serta, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng dan Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian.

Daripada angka pelaburan RM13.3 bilion ke negeri ini, Kon Yeow memberitahu bahawa RM12.0 bilion merupakan pelaburan langsung asing (FDI) bagi sektor pembuatan.

"Pulau Pinang berjaya menarik RM12.0 bilion FDI dalam sektor pembuatan, menyamai 30.6 peratus keseluruhan FDI bagi sektor pembuatan Malaysia," katanya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.


Tambah beliau, FDI utama ke negeri ini adalah dari Amerika Syarikat, Singapura dan United Kingdom (UK) melalui syarikat seperti *Micron Technology*, *Jabil Circuit*, *Smith+Nephew* dan sebagainya.

"Pulau Pinang meneruskan usaha untuk menguatkan kedudukannya sebagai destinasi pilihan para pelabur walaupun

perkembangan keadaan ekonomi global adalah tidak menentu, termasuk disebabkan oleh perang dagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China.

"Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan untuk membawa masuk pelabur berkualiti tinggi dan berteknologi tinggi dengan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi serta sesuai dengan industri negeri.

"(Kerajaan) Negeri komited untuk memperkuat usaha kami untuk saling bekerjasama dengan pelabur baharu dan pelabur sedia ada untuk pertumbuhan jangka panjang (ekonomi negeri)," jelasnya.



Jumlah Pelaburan Sektor Pembuatan Diluluskan ke Pulau Pinang, 2009 - September 2019

Tahun	Peluang Pekerjaan	Domestik (RM Juta)	Asing (RM Juta)	Jumlah Pelaburan(RM Juta)
2009	8,696	716.74	1,449.00	2,165.24
2010	21,618	1,786.85	10,451.00	12,237.96
2011	14,293	1,969.40	7,146.00	9,106.01
2012	10,359	1,344.90	1,126.55	2,471.46
2013	14,515	2,117.86	1,794.39	3,912.26
2014	17,896	3,048.78	5,113.59	8,162.37
2015	18,725	2,225.60	4,498.70	6,724.30
2016	10,816	1,237.00	3,057.00	4,294.00
2017	13,553	2,271.39	8,540.50	10,811.88
2018	9,499	2,087.70	3,693.40	5,718.00
2019 (Jan-Sep)	15,013	1,257.36	12,000.74	13,258.11
TOTAL	154,983	20,054.58	58,870.87	78,924.59

(Sumber : MIDA).

Komited beri kerjasama kembangkan aktiviti pengakap Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya akan terus memberi kerjasama dalam usaha mengembangkan aktiviti kebajikan pertubuhan seragam, Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Pulau Pinang yang melibatkan kira-kira 13,000 anggota.

“Ada beberapa perkara berbangkit telah dibawa oleh pengurusan tertinggi (PPM Pulau Pinang) terutama mengenai tapak perkhemahan bagi membolehkan aktiviti-aktiviti pengakap dijalankan dengan teratur dan lebih tersusun.

“Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang halangan, dan saya percaya perkara ini telah diteliti dan kini berada pada peringkat akhir perbincangan.

“Kerajaan Negeri mengalukan-alukan cadangan dan akan terus memberi kerjasama kepada pihak berkaitan untuk sebarang penambahbaikan demi keperluan serta kepentingan hampir 13,000 ahli pengakap di negeri ini,” jelasnya yang juga Yang di-Pertua Majlis Pengakap Negeri Pulau

Pinang di sini pada 8 Disember 2019.

Pada majlis berkaitan, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyampaikan bintang, pingat dan sijil ‘Pengakap Raja’ Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Pulau Pinang kepada 206 anggota termasuk 16 pengakap remaja.

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee; Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Mejar Jeneral (Bersara) Prof. Datuk Dr. Mohd. Zin Bidi; Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Zulkafli Kamaruddin dan Pengerusi Majlis Pengakap Negeri, Lee Toong Leon turut sertai Majlis Istiadat Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil ‘Pengakap Raja’ berkenaan.

Menurut Kon Yeow, semua penerima pangkat, pingat dan sijil ‘Pengakap Diraja’ iaitu anugerah paling tinggi dalam pertubuhan seragam tersebut dipilih atas kecemerlangan, prestasi dan sahsiah cemerlang yang ditunjukkan oleh mereka selama ini.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Abdul Rahman yang juga Penaung PPM Pulau Pinang atas keprihatinannya berusaha mengembangkan pergerakan kemasyarakatan anggota pengakap pada semua peringkat di negeri ini.



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) diiringi Ketua Menteri (tiga dari kiri), **Soon Lip Chee** (paling kiri) dan **Dr. Mohd. Zin Bidi** (paling kanan) mempamerkan sijil ‘Pengakap Diraja’ yang disampaikan kepada para penerima dalam majlis istiadat di sini baru-baru ini.

Pertandingan Pelan Reka Bentuk Induk PSI peroleh penyertaan 25 negara

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan rasa gembira kerana Pertandingan Pelan Reka Bentuk Induk (MDC) bagi projek *Penang South Islands* (PSI) yang dilancarkan di peringkat global sejak 6 November lalu mendapat sambutan amat menggalakkan.

Sehingga tarikh tutup pertandingan berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa MDC menerima 124 penyertaan minat daripada 25 negara, termasuk sembilan syarikat tempatan.

“Saya amat gembira dengan pendaftaran minat dari serata dunia dan semua benua kecuali Antartika.

“Ini merupakan satu permulaan

yang amat membanggakan dengan minat yang memberangsangkan di peringkat global terhadap PSI.

“Ia juga merupakan suatu petanda positif yang membolehkan Pulau Pinang menjadi destinasi tumpuan dunia, yang kekal komited untuk memupuk bakti, ekonomi berpengetahuan dan pelancongan,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media pengumuman berkaitan di sini pada 6 Disember 2019.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Pelancongan, Seni,

Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar; Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Norazmi Mohd. Narawi; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Pemangku Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang, Mohd. Bashir Sulaiman serta wakil-wakil daripada Pertubuhan Arkitek Malaysia Wilayah Utara.

Kon Yeow menjelaskan bahawa peringkat MDC seterusnya adalah pengumuman Penyataan Minat atau *Expression of Interest* (EOI), bermula dari 6 hingga 30 Disember 2019.

“Pada peringkat EOI, kesemua peserta yang disenarai pendek akan mengemukakan butiran lanjut dan bukti kelayakan kumpulan konsortium masing-masing.

“Ini, akan diikuti dengan proses pemilihan lima finalis yang akan diumumkan pada bulan Januari 2020.

“Kesemua kumpulan konsortium perlu disertai oleh arkitek dan/atau perancang dari Malaysia... para finalis yang dipilih akan mengemukakan cadangan reka bentuk mereka,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota

merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Tambah beliau, pemenang cadangan reka bentuk pelan induk yang dipilih oleh Panel Juri Utama akan dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai ‘*Leader Master Plan Designer*’, dengan tertakluk kepada terma serta syarat yang ditetapkan.

Difahamkan, PSI merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri sebagai pemangkin kepada agenda sosial, ekonomi dan keterangkuman sejajar dengan rangka tindakan Penang2030.

Menerusi PSI, Kon Yeow berhasrat mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam jangka masa pendek dan seterusnya.

“Terletak di bahagian selatan pulau Pulau Pinang, PSI bertapak di dalam kawasan strategik berhampiran dengan Zon Perindustrian Bayan Lepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah.

“PSI direka bentuk bercirikan persekitaran yang indah di tepian air dan akan dilengkapi kawasan pantai awam, taman pesisiran pantai, kawasan hijau terbuka, laluan berbasikal dan aktiviti rekreasi,” katanya sambil memberitahu bahawa PSI adalah nama rujukan sementara pertandingan MDC bagi projek penambakan laut selatan pulau Pulau Pinang (PSR).



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil terlibat memerhatikan senarai penyertaan MDC PSI pada sidang media pengumuman mengenainya di sini baru-baru ini.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

Cukai petak mampu selesai ‘masalah’ dihadapi pemilik strata

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pelaksanaan cukai petak membolehkan Pejabat Tanah dan Galian menggunakan formula yang sama bagi agihan cukai kepada semua pemilik petak berdasarkan keluasan lantai bangunan.

“Sebelum ini, formula bagaimana cukai petak diagihkan kepada pemilik petak adalah ditentukan oleh Perbadanan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB).

“Walaupun bagaimanapun, selepas cukai petak digunakan, formula yang diguna pakai adalah sama bagi semua pemilik petak iaitu menggunakan keluasan lantai.

“Oleh itu, cukai yang dikenakan sebenarnya adalah tidak melibatkan kenaikan (cukai) sebaliknya sama dengan cukai tanah biasa... jika ada peningkatan pun sedikit sahaja kerana kita tukar daripada keluasan tanah kepada keluasan lantai.

“Bagi aksesori pula, hanya dikenakan 50 peratus sahaja daripada kadar tersebut (keluasan tanah),” katanya pada sidang media di sini 10 Disember 2019.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin dan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang, Akmar Omar. Difahamkan,

cukai bagi petak atau blok sementara di negeri ini mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 menggantikan cukai tanah sedia ada pemberitahuan Warta P.U (B) 714, bertarikh 21 Disember tahun 2018.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa pelaksanaan cukai petak juga membolehkan pemilik petak membayar bil terus kepada Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian tanpa melalui MC dan JMB.

“Pelaksanaan cukai petak mampu menyelesaikan beberapa masalah yang sering dihadapi oleh pemilik petak...contohnya apabila mereka mahu melakukan urusan niaga atau sebagainya mereka sudah ada resit bayaran cukai petak tanpa perlu memohon pengesahan daripada MC dan JMB,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa semua pemilik petak strata di negeri

diberikan lanjutan masa sehingga 31 Mei 2020 untuk membayar cukai petak mereka tanpa dikenakan sebarang caj kelewatan.

“Bil cukai petak 2019 sepatutnya diedarkan pada awal tahun 2019, tapi disebabkan terdapat isu-isu tertentu bil hanya diedarkan mulai November 2019 secara berperingkat melalui MC dan JMB, dan pemilik petak diberi kelonggaran membayar cukai petak sehingga 31 Mei 2020 tanpa sebarang caj denda.

“Sekiranya pemilik petak tidak menerima bil cukai petak 2019, mereka boleh mendapatkan bil di mana-mana kaunter Hasil, Pejabat Daerah dan Tanah atau Pejabat Tanah dan Galian sehingga 31 Disember 2019,” katanya.

Tambah Kon Yeow, bil cukai petak bagi tahun 2020 pula akan dihantar kepada pemilik petak mulai Januari 2020 melalui MC atau JMB ekoran ketiadaan alamat surat-menyurat pemilik petak strata.

Justeru, beliau menggesa pemilik petak strata untuk mengemas kini butiran-butiran mereka seperti nama, alamat surat-menyurat dan sebagainya melalui Borang NA (2) yang boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang.

“Oleh itu, pemilik strata diminta mengisi alamat surat-menyurat terkini di bahagian belakang bil cukai supaya Pejabat Daerah dan Tanah atau Pejabat Tanah dan Galian boleh menghantar bil pada tahun depan dan seterusnya terus kepada pemilik petak,” serunya.

Bayaran cukai petak boleh dilakukan seperti berikut:

- Mana-mana kaunter di lima buah Pejabat Daerah dan Tanah.
- Secara atas talian di Portal e-Bayar <http://ebayar.penang.gov.my> mulai 1 Januari 2020.
- Kaunter pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

BIL CUKAI PETAK PULAU PINANG TAHUN 2019

Kod Bar 990022119795

No. Pengenalan 801524-D

Butiran Akaun
 Tarikh Penyata: 10 DIS 2019
 No. Akaun: 990022119795
 Daerah: SEBERANG PERAI TENGAH
 Bandar/Mukim/Seksyen: Mukim 01
 No. Hakmilik: GM34M12/27338
 No. Lot: 10186
 Luas Petak: 132 Meter Persegi
 Luas Petak Absorpsi: 87 Meter Persegi

Perkara	Cukai Petak (RM)	Cukai Parit (RM)	Cukai Talian (RM)
Cukai Tahunan	57.00	-	-
Pengurangan Am (-)	-	-	-
Cukai Yang Dibekalkan	57.00	-	-
Tunggakan Cukai	-	-	-
Tunggakan Denda	-	-	-
Kredit (-)	-	-	-
Kutipan Kurang	-	-	-
JUMLAH	57.00		

JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)
 Sebelum 1 Jun: 57.00
 Selepas 31 Mei: 57.00
 Denda 11: 107.00

Cetakan Resit - [SALINAN PELANGGAN]

Cetakan Resit - [SALINAN PELAJAT]

BIL CUKAI PETAK PULAU PINANG TAHUN 2020

Kod Bar 990022119795

No. Pengenalan 801524-D

Butiran Akaun
 Tarikh Penyata: 10 DIS 2019
 No. Akaun: 990022119795
 Daerah: SEBERANG PERAI TENGAH
 Bandar/Mukim/Seksyen: Mukim 01
 No. Hakmilik: GM34M12/27338
 No. Lot: 10186
 Luas Petak: 132 Meter Persegi
 Luas Petak Absorpsi: 87 Meter Persegi

Perkara	Cukai Petak (RM)	Cukai Parit (RM)	Cukai Talian (RM)
Cukai Tahunan	57.00	-	-
Pengurangan Am (-)	-	-	-
Cukai Yang Dibekalkan	57.00	-	-
Tunggakan Cukai	-	-	-
Tunggakan Denda	-	-	-
Kredit (-)	-	-	-
Kutipan Kurang	-	-	-
JUMLAH	114.00		

JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)
 Sebelum 1 Jun: 114.00
 Selepas 31 Mei: 126.00
 Denda 11: 176.00

Cetakan Resit - [SALINAN PELANGGAN]

Cetakan Resit - [SALINAN PELAJAT]

PERINGATAN

3% daripada jumlah yang telah dibayar kepada Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

5% daripada jumlah yang telah dibayar kepada Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

1. Cukai petak berdasarkan diiktirafkan sebelum 10 Disember 2019. Bil yang telah diterima sebelum 10 Disember 2019. Bil yang telah diterima sebelum 10 Disember 2019. Bil yang telah diterima sebelum 10 Disember 2019.

2. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

3. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

4. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

5. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

6. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

7. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

8. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

9. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

10. Pemilik petak adalah bertanggungjawab untuk memastikan bil cukai petak diterima Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang selangka 10 bulan sebelum diberikan pada akhir Februari setiap tahun. Sila bawa dokumen berkaitan untuk ke kaunter pejabat.

Sekiranya terdapat perubahan nama dan alamat surat-menyurat pada bil Cukai Petak, sila iskan butiran di ruang berikut:

Nama :
 No. K/P :
 No. Tel :
 Alamat :
 Tarikh :
 Tandatangan :

SALINAN bil cukai petak bagi tahun 2019 dan 2020 serta borang NA (2) yang perlu diisi oleh pemilik strata untuk mengemas kini alamat terbaru bagi membolehkan bil cukai dihantar terus kepada pemilik tanpa melalui JMB atau MC.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 diwartakan

GEORGE TOWN – Selepas melalui proses kajian dan penelitian yang panjang selama kira-kira dua tahun, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 akhirnya berjaya diwartakan pada 24 Oktober 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kejayaan mewartakan RSNPP 2030 mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri ke arah memastikan hala tuju pembangunan Pulau Pinang yang lebih jelas bagi tempoh sehingga 2030 selaras dengan Visi Penang 2030.

“RSNPP 2030 yang dimulakan sejak lebih dua tahun akhirnya dapat disempurnakan dan diwartakan untuk menjadi dokumen perancangan bagi tempoh 10 tahun akan datang.

“Justeru, diharapkan dokumen RSNPP 2030 dapat dijadikan panduan serta rujukan utama kepada seluruh jentera Kerajaan Negeri dalam memastikan semua dasar dan polisi serta projek-projek yang dicadangkan dapat dilaksana bagi manfaat seluruh warga negeri,” ujar beliau pada sidang media di sini 11 Disember lalu.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Rosnani Mahmod serta Pemangku Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia@ Pulau Pinang, Mohd. Bashir Sulaiman.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa penyediaan RSNPP 2030 adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

“Akta ini menyatakan bahawa sesuatu rancangan struktur yang mula berkuat kuasa adalah tertakluk kepada kajian semula setiap lima tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun negeri.

“Oleh itu, persepsi bahawa RSN dan Rancangan Tempatan langsung tidak boleh diubah adalah tidak benar kerana akta ini

membenarkan kajian semula setiap lima tahun mengikut perubahan semasa dan keperluan guna tanah atau pasaran yang memerlukan pindaan tertentu,” katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Difahamkan, RSNPP 2030 merupakan hasil kajian semula terhadap RSNPP 2020 yang diwartakan pada 2007 yang akan tamat tempoh perancangannya menjelang 2020.

Sementara itu, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri kini sedang menyediakan Rancangan Tempatan bagi kedua-dua bahagian iaitu di pulau dan Seberang Perai di bawah peruntukan akta yang sama.

“Rancangan Tempatan bagi bahagian Seberang Perai dijangka dapat diwartakan pada Jun 2020 manakala untuk bahagian pulau, Disember (2020),” jelasnya.

Dalam pada itu, semasa menjawab soalan pemberita, Mohd. Bashir menjelaskan bahawa dokumen RSNPP 2030 telah memasukkan ketiga-tiga pulau buatan di perairan selatan pulau Pulau Pinang (PSR).

PIHH dan HASRAT@USM dijangka lancar modul *Halal Pharmacopoiea* pertama dunia

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BATU UBAN - Malaysia dijangka mempunyai modul *Halal Pharmacopoiea* pertama melalui kerjasama antara *Penang International Halal Hub* (PIHH) dan *Halal Studied in Services, Research & Training*, Universiti Sains Malaysia (HASRAT@USM).

Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian USM, Prof. Syed Azhar Syed Sulaiman berkata bahawa secara asasnya kerja-kerja pembangunan *Halal Pharmacopoiea* telah dimulakan yang mana kini fasa penambahbaikan sedang dilaksanakan sebelum ia dijangka dapat dilancarkan tahun 2020.

Menurut beliau, pembangunan *Halal Pharmacopoiea* bakal menyenaraikan secara terperinci kategori semua bahan termasuk kimia atau bukan kimia bagi memudahkan pengguna serta pemain industri mengenal pasti produk halal di pasaran.

"*Pharmacopoiea* akan menyenaraikan semua bahan-bahan yang terdapat dan digunakan di seluruh dunia dalam pelbagai aspek bidang farmaseutikal.

"*Pharmacopoiea* bukan sahaja untuk Malaysia, tetapi pemain industri dan pengguna seluruh dunia yang memerlukan butiran terperinci berkenaan dengan bahan atau barang yang diguna pakai," ujarnya pada sidang media sejouris majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara pihak berkaitan di sini 9 Disember lalu.

Sebelum itu, majlis menandatangani MoU masing-masing diwakili Pengerusi PIHH yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Naib Canselor USM, Prof. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan.

Hadir sama Pengurus Besar PIHH, Mohamad Firhan Ghouse, pegawai-pegawai utama USM dan ahli-ahli kluster HASRAT@USM.

Difahamkan, Modul *Halal Pharmacopoiea* berkenaan akan diterbitkan secara dalam talian melalui laman sesawang dan penerbitan bagi memudahkan pemain industri serta pengguna dari dalam dan luar negara mengaksesnya.

Dalam pada itu, Abdul Halim menyatakan bahawa industri halal negara yang menawarkan produk dan perkhidmatan halal telah menempa nama di seluruh dunia.



ABDUL Halim Hussain (dua dari kiri) dan Prof. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (dua dari kanan) bertukar-tukar dokumen MoU sambil disaksikan Mohamad Firhan Ghouse (kiri sekali) dan Prof. Syed Azhar Syed Sulaiman pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

"Kita (Malaysia) sememangnya sudah terkenal dengan produk dan perkhidmatan halal, kita dikenali... dan kelebihan ini harus digunakan untuk mengembangkannya lagi.

"Justeru, dengan pembangunan *Halal Pharmacopoiea* pertama dunia ini, ia akan menjadikan Malaysia muncul sebagai pemain utama dalam bidang ini," jelasnya.

Karnival Pembangunan Usahawan buka peluang rekrut pekerja, pelatih industri khas

PINANG TUNGGAL

- Peluang pekerjaan dengan kadar upah buruh wajar lebih banyak di kawasan bandar yang mempunyai zon perindustrian maju serta pesat, berbanding di kawasan pinggir bandar atau desa.

Justeru, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berharap penganjutan julung kali Karnival Pembangunan Usahawan 2019 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas dapat memberi peluang kepada muda-mudi daripada keluarga berpendapatan isi rumah 40 peratus paling rendah (B40) di pinggir bandar untuk menyaring peluang pekerjaan serta khidmat latihan lanjutan dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS).

"Karnival ini mendedahkan maklumat yang lebih terperinci tentang khidmat dan produk yang ditawarkan oleh agensi-agensi berkaitan kerjaya, serta peluang-peluang menyertai Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

"Saya berharap karnival ini juga membuka peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian, bagi meningkatkan pendapatan isi rumah kelompok B40, seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup terutama di kawasan luar bandar," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat ketika merasmikan karnival tersebut di sini pada 30 November 2019.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) menunjukkan salah satu produk yang dipamerkan bersempena penganjutan Karnival Pembangunan Usahawan 2019 di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengarah ILP Kepala Batas, Zamzuri Hassan dan Pengarah Tenaga Kerja Pulau Pinang, Mohd. Szali Keth.

SME Corp., ILP, Politeknik Metro Kepala Batas, Kolej Komuniti Kepala Batas, Jabatan Tenaga Kerja, Agensi Pekerjaan Siti Sdn. Bhd. dan Agensi Pekerjaan Allstaff Sdn. Bhd. merupakan antara 40 pempamer kerjaya serta pendidikan berkaitan.

Itu, tidak termasuk 30 gerai jualan dan makanan yang lain di perkarangan luar auditorium utama institusi.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zakiyuddin turut menyanggah dakwaan sesetengah pihak kononnya kadar pengangguran di peringkat negeri meningkat ekoran beberapa kilang menutup operasi sepenuhnya baru-baru ini.

Baik pulih *Tan Jetty* demi keselamatan pelancong

GEORGE TOWN - Sebanyak RM170,035 peruntukan melalui Pejabat Ahli Parlimen Tanjong disalurkan bagi membaik pulih dan menaik taraf *Tan Jetty* yang terletak di Pengkalan Weld dekat sini.

Penolong Jurutera dari Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut, Nur Fariza Othman berkata, kerja-kerja membaik pulih jeti berkaitan dijalankan mulai 21 Oktober 2019 dan siap sepenuhnya menjelang pertengahan bulan Disember 2019.

Menurut beliau, kerja-kerja pembaikan adalah melibatkan pemasangan 192 batang tiang, membaik pulih struktur jeti serta penggantian lantai yang rosak.

"Kita menggunakan jenis kayu cengal batu yang lebih tahan bagi menggantikan lantai di sini sepanjang kira-kira 400 meter," ujarnya ketika ditemui pemberita sejouris mengadakan lawatan ke jeti berkenaan di sini 8 Disember 2019.

Turut serta, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga merupakan Ahli Parlimen Tanjong; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta beberapa pegawai daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut.

Dalam pada itu, Kon Yeow menzahirkan rasa gembira apabila kerja-kerja membaik pulih jeti tersebut dilakukan mengikut jadual.

"Kerja-kerja membaik pulih ini dilakukan selepas wakil di pejabat saya (Pejabat Ahli Parlimen Tanjong) menerima aduan daripada orang ramai.

"(Dan) bagi menjamin keselamatan pengunjung yang semakin ramai dan struktur binaan semakin tidak kukuh, maka kerja-kerja pembaikan perlu dijalankan segera.

"Tambahan pula, *Tan Jetty* antara *Jeti Klan* yang semakin mendapat tumpuan daripada pelancong tempatan dan luar negara sebagai lokasi mengambil gambar dengan pemandangan yang menarik," jelasnya.

Bagi Zi Sen pula, *Tan Jetty* bukan sahaja istimewa kerana terletak di kawasan warisan tetapi juga menjadi tarikan pelancongan yang unik.

"Terima kasih kepada Ahli Parlimen Tanjong kerana memberi peruntukan demi kepentingan serta keselamatan orang ramai.

"Saya berharap dengan selesainya kerja-kerja ini, *Tan Jetty* akan terus menjadi tumpuan umum khususnya para pelancong," katanya.

Pembesaran fasiliti di Pulau Pinang, NI labur RM170 juta

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Syarikat multinasional dari Amerika Syarikat yang menyediakan perisian dan sistem pengukuran automasi, *National Instruments* (NI) menyuntik pelaburan berjumlah AS\$40 juta atau RM170 juta bagi pembesaran fasiliti pelbagai fungsi di Pulau Pinang.

Naib Presiden (Asia Pasifik – Pembuatan) yang juga Pengarah Urusan NI Pulau Pinang, P. Rajesh berkata, pembesaran tersebut membabitkan kawasan seluas 2.4 hektar bersebelahan fasiliti sedia ada di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas.

Malah, menurut beliau, dengan pembesaran tersebut juga, sejumlah

250 peluang pekerjaan tambahan dijangka wujud dalam tempoh tiga tahun akan datang memandangkan ia melibatkan pelaburan dalam bidang utama seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembuatan teknologi semikonduktor 5G (generasi kelima) dan pusat perkhidmatan jualan Asia Pasifik.

“Kami (NI) menjangkakan kerja-kerja pembinaan akan bermula pada suku ketiga tahun 2021 serta siap dalam tempoh 12 bulan.

“Memandangkan operasi kami turut berkembang pesat dan Pulau Pinang mempunyai kumpulan bakat yang berkemahiran tinggi, maka kami sangat gembira dengan kejayaan ini (suntikan pelaburan baharu),” katanya ketika mengumumkan perkara berkaitan dalam sidang

media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di Batu Maung dekat sini 21 November 2019.

Mengulas lanjut, Rajesh memaklumkan bahawa fasiliti sedia ada di Pulau Pinang merupakan hab penting bagi operasi global NI kerana ia merupakan fasiliti ketiga terbesar selepas Austin, Texas dan Debrecen di Hungary.

“Bagi menjayakan perkembangan positif ini, kami (NI) merancang membina bangunan yang serba moden dan berteknologi tinggi bagi kegunaan bercampur yang akan menempatkan pusat perkhidmatan bersama serta hab pengedaran,” jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menzahirkan keterujaan dengan pengumuman daripada NI.

“Pembesaran ini penting dalam menarik lebih ramai pelabur berintensif teknologi serta pengetahuan ke negeri ini.

“Pelaburan ini tidak mungkin akan berjaya tanpa hasil usaha semua dan ini selaras dengan penekanan Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan yang tinggi serta berterusan.

“Banyak produk yang akan dihasilkan melalui fasiliti ini termasuk yang berkaitan aplikasi Industri 4.0, teknologi semikonduktor 5G dan pasaran automasi automotif ...semuanya



ERIC Starkloff (kanan sekali) memberi penerangan kepada Ketua Menteri pada sesi lawatan sejurus pengumuman pembesaran fasiliti pelbagai fungsi NI di sini baru-baru ini.

dihasilkan di Pulau Pinang dan saya berbangga dengannya,” ujarnya yang berharap pembesaran fasiliti tersebut dapat memenuhi permintaan global pada masa hadapan.

Kon Yeow kemudiannya dibawa untuk melawat ke fasiliti sedia ada NI di sini.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif NI, Alex Davern; Ketua Pegawai Operasi NI, Eric Starkloff; Penasihat Khas (Pelaburan) kepada Ketua Menteri, Dato’ Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif

investPenang, Dato’ Loo Lee Lian dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato’ Mohd. Bazid Abd. Kahar.

Sebagai rekod, ibu pejabat NI terletak di Austin, Texas serta mempunyai pusat pengoperasian di lebih 50 negara dan di Pulau Pinang, NI mempunyai 1,000 pekerja membabitkan pengurusan, teknikal serta penyeliaan. NI melaporkan bahawa syarikat tersebut memperoleh pendapatan hampir AS\$1.4 bilion pada tahun 2018.



RUPA bentuk fasiliti NI kini.

Bandar metropolitan Batu Kawan berjaya tarik pelabur strategik

BUKIT TAMBUN - Harvey Norman, juga SportsDirect.com, Project Rock, Mollyfantasy antara jenama terkenal yang turut membuka lot komersial secara rasmi di gedung membeli-belah kelengkapan rumah IKEA Batu Kawan.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa dengan pelaburan IKEA di samping projek-projek pembangunan bercampur yang dilakukan oleh Kumpulan Aspen, ia akan menggamit lebih ramai pengunjung terutama dari sekitar utara Semenanjung Malaysia ke bandar metropolitan Batu Kawan.

“Sejak (gedung IKEA Batu Kawan) dibuka pada bulan Mac (2019) lepas, saya sendiri telah melihat bagaimana IKEA telah mengubah dinamika di bandar metropolitan Batu Kawan.

“Terdapat ramai pelabur dan pelbagai pihak terlibat dalam kerja-kerja pembangunan sehingga komuniti di sini menjadikan bandar ini kian menarik, pintar, hijau dan mapan untuk rakyat bekerja serta menjalani kehidupan.

“Kita tidak boleh melihat

perkembangan ekonomi yang dibawa kepada penduduk setempat melainkan dalam bentuk peluang pekerjaan...perkembangan ekonomi dijangka menjana ratusan peluang pekerjaan,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam Acara Pembukaan Beberapa Pusat Membeli-Belah Terkenal Dunia di IKEA Batu Kawan dekat sini pada 12 Disember 2019.

Turut berucap, Pengarah Urusan IKEA Wilayah Asia Tenggara, Christian Roejkjaer.

Exco Belia & Sukan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee; Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga ADUN Sungai Bakap; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani turut sertai majlis perasmian pembukaan tersebut.

Hadir sama, Pengarah Pusat Membeli-Belah IKEA Wilayah Asia Tenggara, Christian Olofsson; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memerhatikan beberapa produk yang dipamerkan bersempena Acara Pembukaan Beberapa Pusat Membeli-Belah Terkenal Dunia di IKEA Batu Kawan dekat sini baru-baru ini.

Kumpulan Aspen, Datuk M. Murly dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff.

Selain IKEA, Kon Yeow memberitahu bahawa bandar metropolitan Batu Kawan turut berjaya menarik pelabur strategik lain, sehingga membawa dua universiti luar negara membuka kampus cawangan di sini, juga beberapa syarikat-syarikat

multinasional serta firma-firma perkhidmatan terkemuka.

“Kita, masa depan Pulau Pinang adalah tanah besar Seberang Perai, dan semestinya (bandar metropolitan) Batu Kawan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi serta pelaburan negeri secara keseluruhannya pada masa hadapan,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap ADUN Padang Kota.

Sebelum itu, Roejkjaer menyatakan bahawa tanpa kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada hari ini, juga agensi Persekutuan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), projek pengembangan pelaburan IKEA bermula dengan membuka gedung perdagangan di Lembah Klang, tidak mungkin dapat dibuka di utara Semenanjung Malaysia kini.

“Terima kasih tidak terhingga untuk semua di Pulau Pinang, kerana merealisasikan pembukaan gedung membeli-belah kelengkapan rumah IKEA Batu Kawan yang merupakan pertama di utara (Semenanjung Malaysia).

“Pengunjung di utara ini tidak perlu terbang lagi ke Lembah Klang untuk mendapatkan perkhidmatan kami yang berkualiti, memadai dengan datang ke (IKEA) Batu Kawan.

“Kami sangat percaya dengan potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan, juga kuasa membeli penduduk di sini, untuk rancangan pengembangan pelaburan serta perkhidmatan perdagangan kami di sini,” ulas beliau.

75 keluarga Kampung Mutiara terima kunci unit kediaman sementara

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

TANJONG BUNGA – Seramai 75 keluarga dari Kampung Mutiara, Batu Ferringhi mampu menarik nafas lega apabila menerima kunci unit kediaman sementara di Selasih Court, Tanjung Tokong.

Penyerahan tersebut disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman bersama-sama wakil pemaju, UDA Holdings Berhad.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, isu yang berlarutan kira-kira hampir 10 tahun itu kini dilihat semakin cerah ke arah penyelesaian apabila berlangsungnya pemindahan fasa pertama bagi penduduk-penduduk yang terlibat dengan pemajuan di Kampung Mutiara.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita memang prihatin dengan apa yang dialami penduduk seperti kesusahan, tekanan dan kita (Kerajaan Negeri)

ucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang berusaha termasuk pimpinan-pimpinan di semua peringkat.

“Kita (Kerajaan Negeri) juga bekerjasama dengan semua agensi sedaya-upaya menggunakan sumber-sumber yang ada oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk selesaikan masalah dihadapi penduduk.

“Ini adalah selari dengan apa yang dihasratkan oleh Kerajaan (Negeri) kini yang meletakkan kesejahteraan hidup rakyat dalam visi utama,” ucapnya pada Majlis Penyerahan Kunci Kediaman Sementara oleh UDA Holdings Berhad kepada Penduduk Kampung Mutiara di sini 26 November lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) Unit Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri, Dr. Aizi Razman Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif UDA



IR. Ahamd Zakiyuddin Abdul Rahman (berkemeja putih) menyampaikan replika kunci kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Kunci Kediaman Sementara oleh UDA Holding Berhad kepada Penduduk Kampung Mutiara di sini baru-baru ini.

Holdings Berhad, Sr. Mohd. Salem Kailany.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, Kerajaan Negeri juga komited untuk membantu UDA dalam melancarkan proses-proses pembangunan semula di Kampung Mutiara dan sekitarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Salem

menyatakan bahawa selaku agensi pelaksana yang bakal membangunkan kediaman baru untuk penduduk Kampung Mutiara, pihaknya terpenggil untuk menyediakan unit kediaman sementara di Selasih Court yang dimiliki oleh UDA atas kos tanggungan pihak berkaitan juga.

“UDA bakal menyediakan 1,068 unit kediaman merangkumi 400 unit rumah pangsa kos rendah, 166 unit (pangsapuri mampu milik) dan 502 unit (pangsapuri/kondominium).

“400 unit rumah pangsa tersebut adalah penempatan semula yang diberikan secara percuma kepada penduduk Kampung Mutiara, Kampung Che Ahmad, Kampung Din Bamboo dan Kampung Kubur yang telah dikenal pasti mengikut garis panduan yang ditetapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Penduduk Kampung Mutiara dan sekitarnya bakal menerima kediaman kekal 800 kaki persegi (kp) seunit yang lebih teratur dan selesa,” jelasnya.

Justeru, Mohd. Salem berharap usaha sama berkaitan dapat memberi sinar baharu kepada penduduk-penduduk tersebut.

Difahamkan baki keluarga yang masih tinggal di kawasan Kampung Mutiara dan sekitarnya akan dipindahkan secara berperingkat.

Dekad Membaca Kebangsaan, diharap purata rakyat baca 31 buku setahun dicapai pada 2030

BATU MAUNG - Seajar dengan Visi Penang2030, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap kempen Dekad Membaca Kebangsaan yang dilancarkan pada peringkat negeri Pulau Pinang mampu menyumbang kepada pencapaian 31 buah buku setahun purata bagi tahap membaca rakyat Malaysia bagi tahun 2030.

Ketika berucap, beliau memberitahu bahawa kajian interim tabiat membaca rakyat Malaysia bagi tahun 2014 mendedahkan purata bacaan rakyat bagi tahun 2014 adalah 15 buah buku setahun berbanding pada tahun 2010 (lapan hingga 10 buku setahun).

“Kajian pada tahun 2014 juga menunjukkan 95 peratus rakyat Malaysia membaca.

“Walaupun ada peningkatan dalam amalan membaca, kita perlu meningkatkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kadar pembacaan setanding dengan piawaian negara-negara maju.

“Sekurang-kurangnya untuk mencapai 31 buah buku setahun iaitu piawaian yang dirujuk selaras dengan jumlah rakyat Malaysia,” jelasnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini pada 24 November 2019.

Turut berucap, Ahli Lembaga Pengarah bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Aida Yusof Rawa mewakili Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi).

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Baglan Jermal; ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad dan Puan Tan Lean Kee (isteri kepada Y.A.B. Ketua Menteri) turut disertai acara tersebut.

Tambah Kon Yeow, budaya membaca melambangkan mundur atau maju rakyat sesebuah negara.

“Di negara-negara maju seperti Korea Selatan, kadar membaca rakyatnya ialah 20 buah buku setahun.

“Sementara itu, di Amerika Syarikat yang mana kadar membacanya diukur berdasarkan jam, rakyatnya membaca secara purata selama 30 minit seminggu pada hari bekerja dan kadarnya meningkat pada hari minggu iaitu selama 37 minit,” ujarnya yang juga ADUN Padang

Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut memuji langkah proaktif PPAPP dalam menyediakan program Literasi Media dan Maklumat demi membantu rakyat negeri ini agar lebih celik informasi.

“(PPAPP) giat melaksanakan pelbagai usaha menggalakkan budaya membaca berkonsepkan ‘*edutainment*’ dan pada masa kini turut menggalakkan budaya pembacaan melalui media elektronik serta tidak lagi terhad kepada media cetak seperti buku, majalah dan surat khabar sahaja.

“Sehingga kini, PPAPP menawarkan 14 pangkalan data elektronik dengan jumlah judul melebihi lima juta.

“Kepelbagaian sumber maklumat yang tersedia di dalamnya dalam bentuk cetak atau digital boleh diakses secara global melalui internet dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat Pulau Pinang,” ulasnya.

Serentak dengan majlis pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan, PPAPP turut menyampaikan hadiah penghargaan kepada mereka yang paling banyak membeli buku serta mengunjungi perpustakaan-perpustakaan awam di negeri ini.

Salah seorang penerima hadiah penghargaan, Muhammad Fazrul Ariff Saad, 29, yang ditemui kemudian menyatakan bahawa pelbagai bahagian mesra keluarga dan kanak-kanak yang dibuka di Perpustakaan Awam Negeri dekat Seberang Jaya sangat memupuk minat membaca dalam kalangan anggota keluarganya.

Menurut Muhammad Fazrul Ariff, hampir setiap hujung minggu, beliau membawa isteri, Aimi Shahirah Mohamad Pisol, 29, serta dua anaknya, Dia Adni (4 tahun) dan Dia Alisia (6 bulan) untuk mengikuti aktiviti memupuk minat membaca yang dikendali oleh pustakawan di Perpustakaan Awam Negeri.

“Selama ini, perpustakaan yang kita bayangkan hanya ada buku sahaja, tapi di Perpustakaan Awam Negeri pada hari ini, pelbagai bentuk bahan bacaan serta aktiviti ada, sangat sesuai untuk semua gender terutama anak-anak.

“Bagi saya, inisiatif Dekad Membaca Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah suatu yang sangat baik, memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat,” jelasnya yang bekerja dalam bidang profesional di Kulim, Kedah.

Pusat simulasi perubatan jangka bantu lonjak industri pelancongan negeri

SUNGAI PINANG – Penubuhan pusat simulasi perubatan, *Allied Healthcare Centre of Excellence (AHCoE)* dapat membantu melonjakkan lagi industri pelancongan Pulau Pinang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa kemahiran serta kecekapan melalui sokongan kakitangan profesional serta berkebolehan akan membantu penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih selamat dan berkualiti kepada masyarakat.

“Bagi meningkatkan pembangunan kompetensi, kemahiran serta kecekapan kakitangan perubatan, pusat ini menyediakan persekitaran kemudahan simulasi yang selamat melalui protokol dan algoritma senario simulasi klinikal sebenar dalam meningkatkan gerak kerja serta kemahiran mereka mengendalikan sesuatu kes atau seseorang pesakit.

“Dilengkapi dengan alatan simulasi perubatan yang paling canggih, AHCoE berfungsi sebagai sebuah hospital sebenar kerana semua peralatan yang digunakan ketika simulasi adalah alat sebenar yang biasa ditemui di hospital.

“AHCoE menawarkan metodologi pendidikan baharu untuk mempromosikan pembangunan profesional dan kolaborasi dalam disiplin penjagaan pesakit,” ujarnya sambil melahirkan rasa bangga terhadap kemudahan simulasi berteknologi tinggi yang ditawarkan di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke pusat berkaitan di sini 10 Disember lalu.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Asmayani Khalib dan Ketua Pegawai Eksekutif AHCoE, Haw Ai Beng.

Bersempena lawatan tersebut, Afif turut diberikan demonstrasi simulasi mengendalikan beberapa kes menggunakan peralatan sokongan hayat, trauma dan kecemasan, proses di dalam bilik bersalin serta unit kecemasan (ICU) bayi.

Sejak ditubuhkan pada 2010, AHCoE telah menjalankan sebanyak 1,150 latihan melibatkan 26,237 kakitangan profesional dari hospital dan institusi awam serta swasta.

Dalam pada itu, Ai Beng menyatakan bahawa melalui AHCoE, pihaknya akan terus menyokong inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan kesedaran awam tentang peri penting teknik bantuan segera CPR (resusitasi kardiopulmanari) kepada pesakit serangan jantung.

“Pihak AHCoE bersedia untuk memberikan latihan CPR kepada umum, pelajar sekolah dan barisan hadapan seperti polis dalam menjayakan inisiatif Kerajaan Negeri,” jelasnya lanjut.

Bantuan daftar masuk universiti, pelajar zahir penghargaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN - Tujuh bekas pelajar Tingkatan Enam Kolej Haji Zainal Abidin merupakan antara 499 penerima RM1,000 Bantuan Pendaftaran Masuk Ke Institusi Pengajian Tinggi (iBITA) Peringkat Daerah Timur Laut.



MUHAMMAD Asrizal Abdul Aziz.

Salah seorang penerima, **MUHAMMAD ASRIZAL ABDUL AZIZ**, 20, yang ditemui merakamkan penghargaan atas program kebajikan yang terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

“Saya berasa begitu gembira mendapat bantuan kewangan ini walaupun lambat, kerana saya daftar masuk Universiti Sains Malaysia (USM) pada bulan September lepas. “Bagaimanapun, RM1,000 ini mungkin akan saya simpan, untuk bayaran yuran semester dua sesi akademik nanti,” jelasnya.

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa bantuan berkaitan adalah melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM498,700.

“Walaupun bantuan ini bukan seberapa nilainya, namun, ia merupakan salah satu penghormatan yang bernilai daripada Kerajaan

Negeri Pulau Pinang kepada penduduk negeri ini.

“Para pelajar juga amat dihargai kerana mereka merupakan ‘pelaburan jangka panjang’ kepada Kerajaan Negeri,” ujarinya dalam majlis yang dilangsungkan di sini pada 17 Disember 2019.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Pegawai Daerah Timur Laut, Rosli Halim dan Penyelaras Program iBITA, Lim Huai Xin turut sertai



NUR Fatin Nabila Bilal.

majlis tersebut.

Turut bersyukur ialah seorang lagi penerima bantuan iBITA, **NUR FATIN NABILA BILAL**, 20, yang kini melanjutkan pelajaran dalam bidang industri kreatif di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Mengulas ucapan Ketua Menteri, Nur Fatin Nabila memberitahu bahawa ia merupakan kali pertama beliau mendapat sumbangan bantuan pendidikan langsung daripada Kerajaan Negeri.

Menurutnya, beliau berasa begitu dihargai sebagai penduduk Pulau Pinang apabila menerima RM1,000 bantuan daftar masuk universiti berkaitan.

“Ini, kali pertama saya mohon bantuan kewangan dan ini kali pertama saya dapat bantuan



KETUA Menteri beramah-mesra dengan sebahagian pelajar serta waris pada Majlis Penyampaian Sumbangan iBITA Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan di sini baru-baru ini.

kewangan daripada Kerajaan Negeri.

“Mesti rasa begitu gembira, rasa pencapaian kita sampai boleh masuk universiti awam turut dihargai oleh Kerajaan Negeri.

“RM1,000 ini akan saya simpan untuk keperluan yuran semester dua nanti,” jelas Nur Fatin Nabila sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow.

Nada sama turut diluahkan oleh seorang lagi penerima, **NURFATIN MOHAMMAD ARIFF**, 20, yang kini melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Cawangan Merbok, Kedah.

“Sebelum ini, saya pernah mendapat bantuan duit zakat daripada Zakat Pulau Pinang, dan (bantuan iBITA) ini merupakan kali pertama saya mendapat bantuan langsung daripada Kerajaan Negeri hari ini,” katanya.

Masing-masing atas semangat Kolej Tingkatan Enam Haji Zainal Abidin, para pelajar berkenaan menzhahirkan rasa gembira atas



NURFATIN Mohammad Ariff.

terimaan bantuan kewangan RM1,000 daripada Kerajaan Negeri.

Sementara itu, dalam majlis yang berlangsung bagi peringkat Daerah Barat Daya, Kerajaan Negeri menyalurkan sejumlah RM299,400 peruntukan kepada 302 pelajar yang berjaya diterima mengikuti pengajian ke peringkat diploma dan ijazah di seluruh negara.

Dalam pada itu, turut diraikan adalah seramai enam pelajar yang akan melanjutkan pengajian di politeknik dengan jumlah sumbangan masing-masing bernilai RM300, manakala 296 pelajar lain menerima RM1,000 bagi institusi pengajian tinggi (IPT) Semenanjung Malaysia dan RM1,200 (IPT Sabah serta Sarawak).

Pada majlis berkaitan, Kon Yeow menyatakan bahawa pembangunan modal insan berkemahiran tinggi secara holistik adalah faktor penting dalam menghadapi cabaran globalisasi masa kini.

“Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan Negeri saban tahun sentiasa meningkatkan usaha serta persiapan untuk menyediakan

modal insan dan tumpuan sewajarnya.

“Pulau Pinang amat bergantung kepada modal insan, sebagai sebuah negeri yang mana Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) bergantung kepada sektor pembuatan serta perkhidmatan, maka kita (Kerajaan Negeri) perlu sediakan modal insan bagi menyokong pembangunan ini.

“Rata-rata pelabur akan bertanya sama ada pelaburan mereka dapat disokong oleh modal insan khususnya dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

“Bagi menyediakan modal insan berkemahiran tinggi, pelbagai usaha ada dilaksanakan Kerajaan Negeri, antaranya mewujudkan Biasiswa Penang Future Foundation (PFF) yang mana kini lebih 300 pelajar dalam bidang STEM dan Perakaunan menerima manfaatnya.

“Selain itu, mewujudkan *MakerLabs* di sekolah-sekolah yang mana buat julung kalinya pada tahun hadapan melalui bantuan kepada sekolah, kita (Kerajaan Negeri) membenarkan institusi-institusi pendidikan berkaitan membuat permohonan pembiayaan bagi mewujudkan makmal-makmal berkenaan.

“Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri menjangkakan hampir 100 sekolah akan menerima manfaat peruntukan ini pada tahun 2020,” ucapnya pada majlis yang diadakan pada 14 Disember 2019.

Bagi peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), seramai 257 pelajar menerima cek sumbangan melalui peruntukan berjumlah RM251,400 pada majlis yang berlangsung pada 16 Disember 2019.



SEBAHAGIAN pelajar menunjukkan sumbangan yang diterima pada peringkat Daerah Barat Daya.

Perpustakaan Digital Butterworth diharap tingkat kualiti hidup penduduk setempat

BAGAN JERMAL - Perpustakaan Digital Butterworth yang dibina oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang di Kampung Benggali dekat sini dilengkapi pelbagai kemudahan bertaraf antarabangsa, termasuk dewan serbaguna, ruang perpustakaan berkonsepkan digital serta perkhidmatan jalur lebar secara percuma.

Bercakap kepada pemberita, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menyatakan bahawa pihaknya berharap semua kemudahan itu menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat selain menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar menjelang tahun 2030.

“Projek ini menelan belanja kira-kira RM7 juta, dibuka pada jam 8 pagi hingga 7 petang.

“Perpustakaan Digital Butterworth ini dijangka akan dirasmikan pada bulan Februari 2020,” jelasnya ketika meninjau tahap perkembangan projek pemujaan perpustakaan tersebut di sini pada 14 Disember 2019.

Turut serta, Exco Kebajikan, Masyarakat Penayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu; Exco Belia & Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee dan ADUN Bagan Dalam, M. Satees.

Terdahulu, Guan Eng ketika menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun 2015 mencetuskan idea penubuhan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) di sebuah premis milik Kerajaan Negeri berhampiran Penang Free School, dengan kolaborasi bersama-sama beberapa entiti korporat negeri dalam bidang teknologi dan digital.



LIM Guan Eng, barisan jemputan dan pihak-pihak berkaitan memerhatikan persembahan visual menarik ketika meninjau tahap perkembangan projek pemujaan Perpustakaan Digital Butterworth di sini baru-baru ini.

PAWE disaran rangka program agar warga emas kekal aktif

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD**

PADANG LALANG - Pusat Kelab Aktiviti Warga Emas (PAWE) Bukit Mertajam bakal menjadi lokasi bagi warga emas untuk melakukan aktiviti pada waktu lapang.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berharap agar pengendali pusat berkenaan dapat merangka lebih banyak program yang sesuai bagi memastikan warga emas kekal aktif.

“Saya berharap agar warga emas serta ahli keluarga dapat memeriahkan lagi PAWE di sini dengan menjalankan pelbagai aktiviti untuk mengisi masa terluang.

“Selain itu, kanak-kanak dan remaja juga boleh turut bersama-sama untuk memberi keceriaan dan keseronokan kepada warga emas yang mana secara tidak langsung dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang bahagia serta penuh kasih sayang,” ucapnya semasa merasmikan Pusat PAWE Bukit Mertajam dan Program Emas Permata Keluarga di sini 15 Disember lalu.

Hadir sama, Kaunselor Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mohd. Hazizi Ishak; Penyelia Kanan Kemas Bukit Mertajam, Ramlan Ishak; wakil dari Jabatan Kesihatan Seberang Perai Tengah, Dr. Nurul Husna Mustafa; Pegawai Pengerangan Jabatan Pengerangan Pulau Pinang, Lizza Imelia Solanah; wakil Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), S. Pubalan serta wakil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Faizah Daud.

Difahamkan, kedua-dua program berkenaan



CHONG Eng (empat dari kanan) menandatangani plak perasmian Pusat Aktiviti Warga Emas Bukit Mertajam pada penganjuran Program Emas Permata Keluarga di sini baru-baru ini.

dianjurkan bersama-sama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Rambai Fasa 1, JKM Seberang Perai Tengah dan Pusat Khidmat ADUN Padang Lalang.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu bahawa warga emas berusia lebih 60 tahun perlu meningkatkan tahap kesihatan melalui aktiviti senaman.

“Senaman yang memberikan kesan positif akan membuatkan kita lebih cergas, sihat dan bertenaga sekiranya dilakukan secara berterusan,” jelasnya.

Selain pemeriksaan kesihatan percuma, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang program berlangsung seperti pameran daripada agensi kerajaan, pertandingan mewarna, permainan membuat arca pasir, karom, pemberian bantuan kepada keluarga kurang berkemampuan serta pendaftaran ahli PAWE.

PAWE Bukit Mertajam yang beralamat di Dewan Taman Mutiara dekat Jalan Tembikai beroperasi bermula dari jam 8 pagi hingga 5 petang pada setiap hari.

Pengusaha dan usahawan dinasihat kaji pasaran, adaptasi pertanian moden

PINANG TUNGGAL - Tun Daim Zainuddin menasihati Sekolah Ladang Petani di Institut Pertanian Bumbung Lima di sini supaya membuat kajian pasaran, cepat mengadaptasi teknik pertanian moden termasuk memperluas penggunaan pelbagai padi hibrid demi mengandaskan pengeluaran golongan tani, sekaligus meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

Bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan itu berkata bahawa kebergantungan peladang serta petani Melayu terhadap bantuan kerajaan masih belum berubah walaupun kerajaan lama telah bertukar tangan.

“Model pertanian moden yang tepat memang perlu dikenal pasti, ini bukan melibatkan satu agensi kerajaan tapi semua agensi yang berkaitan,” jelasnya dalam sidang media selepas mengadakan sesi dialog dengan lebih 50 pelatih di sini pada 14 Disember 2019.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengarah Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim.

Selepas itu, Daim dengan diiringi Afif turut mengadakan Majlis Dialog Bersama-sama Usahawan-usahawan Pulau Pinang di Bukit Mertajam.

Pada sesi berkaitan, Daim menasihati semua peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) supaya membuat kajian pasaran serta menyediakan aliran tunai yang mencukupi sebelum memulakan perniagaan.

Tambah beliau,

usahawan Melayu juga wajar berani untuk mengembangkan perniagaan masing-masing sekiranya ada peluang.

“Berniaga ini bukannya selalu untung, kadang-kadang akan rugi. Inilah sebabnya kita datang nak berjumpa dengan mereka untuk mendengar masalah, membantu mereka dan memberi tunjuk ajar macam mana nak mencapai kejayaan.

“PKS merupakan penyumbang utama pekerjaan dalam negara dan mereka harus diberi bantuan yang sepatutnya. Kita perlu pandu mereka dan tunjukkan jalan. Bila mereka (PKS) untung, negara juga akan untung,” katanya.

Difahamkan, Daim kini dalam jelajah ke seluruh negara untuk berkongsi pengalaman serta memberi pandangan mengenai perniagaan kepada para usahawan.

Selepas perjumpaan dengan usahawan-usahawan di Kedah, Perak dan Pulau Pinang, jelajah Daim akan diteruskan ke Selangor.



TUN Daim Zainuddin (tengah) diiringi Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) dan Mohd. Muhaimin Ibrahim dalam sesi dialog dengan para pelatih Sekolah Ladang Petani di Institut Pertanian Bumbung Lima dekat sini baru-baru ini.

Seiring transformasi, peralihan negeri ke arah ekonomi digital

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar: **TDP**

GEORGE TOWN

— *Tech Dome Penang* (TDP) mengorak selangkah ke hadapan dengan memperkenalkan Rangkaian Inovasi Digital (DIN) bagi memberikan inspirasi kepada umum terutamanya mengenai ekonomi dan teknologi digital.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata bahawa objektif DIN ditubuhkan adalah untuk melatih dan mendedahkan para pelajar dari peringkat pra-sekolah sehingga ke universiti mengenai penerapan teknologi digital dengan menyediakan alat-alat digital berinovasi.

“Inisiatif ini adalah sejajar dengan rancangan Kerajaan Negeri bagi menubuhkan Unit Digital Penang bagi menerajui pertumbuhan menerusi inisiatif Rancangan Transformasi Digital.

“Menjadi ‘rumah’ kepada lebih 300 syarikat multinasional hingga mendapat gelaran ‘Silikon Valley of The East’, Pulau Pinang menjadi negeri memimpin di Malaysia dalam sektor pembuatan teknologi tinggi.

“Justeru, Kerajaan Negeri berusaha untuk memimpin peralihan negeri ke arah ekonomi digital jua,” katanya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga sebelum



(Dari kanan) DR. Khong Yoon Loong, Chris Lee Chun Kit, Zairil Khir Johari serta wakil pihak *Lithan Academy* pada majlis pelancaran rangkaian DIN di sini baru-baru ini.

melancarkan Rangkaian DIN di TDP dekat sini 7 Disember 2019.

Turut hadir, ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan Ketua Pegawai Ekskeutif TDP, Dr. Khong Yoon Loong

Terdahulu, berlangsung majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara TDP dan *Lithan Academy*.

Dalam pada itu, Yoon Long memberitahu bahawa pihaknya sedang mencari peluang dan inisiatif bagi mengembangkan lagi rangkaian berkenaan bagi membolehkan orang ramai mendapat akses secara lebih mudah.

“Kami ingin mengembangkan rangkaian inovasi meliputi kepelbagaian bidang seperti robotik, kecerdasan buatan, pembangunan aplikasi, inovasi 3D, elektronik serta peralatan digital, IOT dan lain-lain,” ujarnya.

JPWK ke arah realisasi Visi Penang2030

GEORGE TOWN — Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) sebagai platform memperkasakan peranan wanita dan keluarga di Pulau Pinang menerima sambutan baik sejak ia ditubuhkan Februari lalu.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangan Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, JPWK merupakan salah satu daripada jawatankuasa di peringkat negeri bagi memenuhi sasaran Visi Penang2030 yang mana sebanyak 346 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

“Program-program membabitkan wanita, pembangunan keluarga dan komuniti yang dijalankan oleh JPWK di 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) telah menarik lebih 80,000 lapisan masyarakat.

“Ini menunjukkan bahawa betapa signifikan dan pentingnya JPWK dalam memacu negeri Pulau Pinang bagi merealisasikan visi ini.

“Serentak itu, JPWK juga berfungsi sebagai ejen perubahan terutamanya kepada golongan wanita di negeri ini,” katanya pada Majlis Penarafan Bintang JPWK di sini 13 Disember lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

JPWK diterajui Chong Eng dengan sokongan PWDC dan juga 40 KADUN di peringkat negeri.



CHONG Eng (duduk, empat dari kanan) dan **Ong Bee Leng** (duduk, empat dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama ahli JPWK dilantik selepas majlis penarafan bintang kepada jawatankuasa berkenaan di sini baru-baru ini.

Kebajikan rakyat sentiasa diutamakan

BERTAM - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus mengutamakan penduduk daripada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) terutama pelajar kurang mampu, orang kurang upaya (OKU) serta anak-anak yatim.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu sedemikian pada program penyerahan insentif bantuan set kelengkapan sekolah kepada 320 penerima terpilih dari sekitar kawasan Parlimen Tasek Gelugor dan Kepala Batas di sini.

Menurut beliau, program kebajikan tersebut menelan kos sebanyak RM38,400.

“Telah menjadi dasar Kerajaan Negeri agar kebajikan rakyat sentiasa diutamakan dalam apa jua tumpuan sama ada dalam bantuan persekolahan, sambutan perayaan kaum dan lain-lain program emas termasuk (melibatkan) ibu emas serta anak emas.

“Saya berharap sumbangan (pakaian dan set kelengkapan persekolahan) ini dapat menaikkan semangat serta iltizam anak-anak di Taman Bakti ini,” ujarnya dalam Majlis Jamuan Makan Malam dan Sumbangan Pakaian Sekolah di Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas dekat sini pada 16 Disember 2019.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq; ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad dan ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz turut sertai majlis tersebut.

Hadir sama, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Shaballah Zainal Abidin; Pengarah Penerangan Pulau Pinang, Sabri Said; Pengerusi Lembaga Pelawat Sekolah, Ahmad Shukor Saad dan Pengetua Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas, Norlela Saad.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa bangunan sekolah sedia ada yang telah berusia kira-kira 50 tahun di sini akan dirobohkan, sementara kerja-kerja pembinaan semula kemudahan dengan pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan akan mengambil masa selama dua tahun.

“Jadi, dalam tempoh peralihan ini, kanak-kanak, pengetua dan guru-guru perlu dipindahkan ke (Daerah) Seberang Perai Selatan (SPS), saya berharap semua dapat menyesuaikan diri dalam tempoh dua tahun ini,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Kon Yeow dalam pada itu turut menyeru semua pemimpin masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri menyemarak program kebajikan sebagaimana menjadi salah satu visi utama di bawah wawasan Penang2030.

Sebelum itu, Norlela menyatakan bahawa rumah perlindungan kanak-kanak di Taman Bakti tersebut bukan sahaja dihuni oleh anak-anak yatim, bahkan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan, dibuang atau diabaikan oleh waris.

“Rumah ini dibina bertujuan untuk memberi jagaan kepada kanak-kanak yang mendapat perintah mahkamah, di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, supaya menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan mereka dari segi fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni,” ulasnya.

Sehingga kini, beliau memberitahu bahawa seramai 160 kanak-kanak berusia antara 15 hari hingga 12 tahun menghuni Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas.

Kejohanan perahu naga sebagai sukan pelancongan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

TELUK BAHANG - Penganjuran *Penang International Dragon Boat Festival* (PIDBF) 2019 bagi kali ke-40 membuktikan bahawa usaha Kerajaan Negeri dalam memelihara sukan tradisi perahu naga memperlihatkan kejayaan.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Majlis Perasmian PIDBF 2019 di Empangan Teluk Bahang dekat sini baru-baru ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat mempromosikan sukan perahu naga sebagai salah satu cabang sukan sihat di Pulau Pinang.

“Pendekatan tersebut merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat selari dengan Visi Penang2030.

“Saya percaya, sekiranya kita (Kerajaan Negeri) berjaya menzahirkan semangat bersatu padu dan semangat berpasukan melalui sukan ini, Pulau Pinang bukan sahaja mampu mempromosikannya sebagai cabang sukan, bahkan mencapai matlamat yang kita semua ingini.

“Saya berharap, para peserta yang mengambil bahagian kali ini dapat tunjukkan semangat perpaduan dan berpasukan sesama sendiri, kerana dayungan anda mampu membawa kejayaan,” ucap beliau penuh semangat pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangan Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang, Johathan Freddy P. Bagang.

Terdahulu, Soon Hin dalam ucapannya memberitahu bahawa Pulau Pinang kini bergerak ke arah sukan pelancongan.

“Kita (Kerajaan Negeri) baru sahaja menganjurkan acara larian *Penang International Bridge Marathon* (PBIM) 2019 yang berjaya menarik penyertaan seramai 25,000 peserta dari dalam dan luar negara.




KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (berdiri, lima dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan dengan pasukan MBPP pada Majlis Perasmian PIDBF 2019 di sini baru-baru ini.

“(Dan) bagi penganjuran PIDBF pula, kita menerima penyertaan 62 pasukan dari Hong Kong, Taiwan, China, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Korea Selatan, Singapura, Kanada, Qatar, Jepun dan Mesir.

“Justeru, saya berharap sukan tradisi yang sudah lama bertapak ini akan diteruskan di masa hadapan sebagai sukan

pelancongan untuk negeri Pulau Pinang,” jelasnya.

Selain mendapat liputan meluas daripada media antarabangsa, penganjuran PIDBF kali ini turut mengangkat inisiatif *Experience Penang Year 2020* (EPY2020).



AKSI perlumbaan yang mendebarkan.



AKSI tarian singa yang turut mencuri tumpuan pada majlis perasmian.

Pesta Pulau Pinang tampil kelainan penuh citarasa pengunjung

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

PANTAI JEREJAK - Pesta Pulau Pinang yang memasuki edisi ke-53 pada tahun 2019 menawarkan kelainan bagi memenuhi citarasa pengunjung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kelainan yang ditampilkan bukan sahaja daripada segi nilai keceriaan tetapi juga melibatkan pengisian acara program, kepelbagaian perniagaan, makanan serta aktiviti sukan dan rekreasi yang mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan tanpa mengira peringkat umur.

"Selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasi

Negara, Pesta Pulau Pinang ternyata memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri melalui penerapan konsep santai bersama-sama keluarga.

"Selain itu, program ini juga diwarnai dan disusun dengan kepelbagaian program serta aktiviti yang sekaligus menjadi jambatan untuk mengerat jalinan muhibah dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum bukan hanya di Pulau Pinang malah juga bagi seluruh wilayah utara Semenanjung," ucapnya ketika merasmikan Pesta Pulau Pinang 2019 di sini 7 Disember lalu.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff hadir sebagai tetamu kehormat.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengiringi Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) menyempurnakan gimik pelancaran Pesta Pulau Pinang 2019 di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN persembahan menarik yang dipersembahkan.

Negeri; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Pesta Pulau Pinang mencatatkan kehadiran pengunjung seramai 494,175 pada tahun 2018 dengan keuntungan sebanyak RM2.76 juta hasil jualan gerai serta tiket masuk.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar sambutan pada tahun

2019 adalah lebih meriah dan menjana pulangan yang lebih tinggi.

"Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada semua pihak terlibat khasnya Jabatan Kewangan Negeri yang berjaya memastikan Pesta Pulau Pinang kekal relevan dengan pelbagai pengisian dan penambahbaikan pada setiap tahun," ujarnya.

Difahamkan, seramai 134 usahawan mengambil bahagian untuk menjual pelbagai produk serta penglibatan 25 unit trak kendera saji.

Pesta yang berlangsung mulai 1 hingga 31 Disember tersebut menyediakan 62 program merangkumi program bercorak kekeluargaan, sukan serta riadah

selain persembahan kebudayaan dan hiburan pentas oleh artis terkenal tempatan.

Selain itu, ia turut menampilkan kelainan dengan memperkenalkan perkhidmatan *e-hiling* kepada pengunjung melalui kod promo khas *MyPenang* dengan potongan RM2 bagi setiap perjalanan tanpa had setiap hari sepanjang pesta berlangsung.

Sebuah taman berkonsepkan *Upcycle Park* juga diwujudkan dengan kerjasama MBSP menggunakan barangan kitar semula seperti tayar, kayu palet, botol plastik dan sebagainya bagi menambahkan lagi keceriaan kepada pengunjung.



Tahun 2020, rancang kewangan untuk ketenangan

TAHUN 2019 baru sahaja melabuhkan tirai dan 2020 datang dengan penuh cabaran. Pada tahun 1991 sewaktu pelancaran Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri ketika itu, kita merasakan ia masih terlalu jauh dan sekarang kita telahpun melangkah ke tahun tersebut. Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju ditunjangi dengan sembilan teras cabaran strategik yang mana salah satunya adalah pengagihan ekonomi yang adil dan saksama kepada setiap masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kenaikan kos sara hidup, pemilikan rumah dan lambakan pekerja asing menjadi isu yang tiada kesudahan, 2020 tidak menjanjikan sesuatu yang mudah.

Persoalannya, bersediakah anda untuk mengharungi cabaran mendatang terutama dalam aspek kewangan? Cukupkah simpanan kecemasan anda untuk sekurang-kurangnya bertahan selama tiga ke enam jika ditakdirkan hilang punca pendapatan?

Jika tiada persediaan dan perancangan kewangan dari awal, anda mungkin panik dan tertekan jika tiba-tiba diberhentikan kerja. Dengan mulut anak-anak yang perlu disuap, angsuran kereta dan rumah yang perlu dibayar, bil-

bil utiliti dan segala macam perbelanjaan lagi, hilang punca pendapatan boleh memberi tekanan yang hebat kepada seseorang ketua keluarga. Jika tidak ditangani dengan baik dan cermat, ia boleh membawa kepada permasalahan lain yang lebih besar seperti keruntuhan rumahtangga dan sebagainya.

Di sinilah pentingnya kita menabung untuk tujuan kecemasan dan juga persediaan bagi menghadapi keadaan di luar dugaan. Bagi mereka yang menerima bonus tahunan daripada majikan masing-masing, berhematlah dalam berbelanja dan simpanlah sebahagian daripada bonus tersebut sebagai tabungan kecemasan. Kenal pasti antara keperluan dan kehendak supaya kita tidak berbelanja keterlaluan semata-mata ingin memenuhi keinginan. Lengkapkan diri anda dengan ilmu pengurusan kewangan dan amalkanlah ilmu tersebut sebaik-baiknya bagi kesejahteraan kewangan anda.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ataupun lebih dikenali sebagai AKPK merupakan satu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 dan visi kami supaya rakyat Malaysia mengamalkan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup.

Salah satu daripada perkhidmatan AKPK adalah pendidikan kewangan di mana kami mengalu-alukan sesiapa sahaja untuk datang ke pejabat kami dan bertemu dengan kaunselor kredit kami untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan dan kredit.

Bagi mereka yang dikenalpasti mempunyai hutang-hutang di luar kawalan, kami juga menawarkan program penstrukturan semula pinjaman yang kami namakan sebagai Program Pengurusan Kredit. Semua perkhidmatan kami adalah percuma kepada individu dan kami tidak pernah melantik agen atau pihak ketiga untuk berurusan dengan kami. Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian 03-2616 7766 atau layari laman web kami di www.akpk.org.my.

Sila daftarkan diri anda secara atas talian di laman web kami dan buat tempahan temujanji bagi menjamin kelancaran sesi kaunseling tersebut.

Terima kasih.

Jabatan Komunikasi Korporat
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkoneyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mka@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Noriela Ariffin noriela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung goohsiao@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adungacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalkota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad jmmohamed002@gmail.com	(T) 018 - 468 6610
N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak ysrregnot@gmail.com	(T) 019 - 337 4055

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103 101	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
HOTLINE MBPP	04-263 7637		04-226 5161
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
KASTAM	04-262 2300	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
IMIGRESEN	04-250 3419	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	JAMBATAN PP	04-398 7419
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
SOCOSO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

Kalendar Pelancongan

RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA 2020
YAB TUAN CHOW KON YEOW KETUA MENTERI PULAU PINANG
槟州首席部长曹观友新春开放门户
Chief Minister of Penang Chinese New Year Open House
பிளாங்கு முதல்வரின் சீனப் புத்தாண்டு திறந்த இல்ல உபசரிப்பு

26-1-2020
(Ahad / 年初二)

2:00 petang - 4:00 petang
SPICE ARENA, RELAU
湖内槟城国际体育竞技场

Semua Dijemput Hadir

26hb Januari 2020

Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2020 YAB Tuan Chow Kon Yeow

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2019

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshal a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamoorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	U. Jagatisan	Seberang Perai Selatan		010 - 563 2279

Nota:
 Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvinder Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harn	016 - 439 9121

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
 YAP LEE YING
 AINUL WARDAH SOHILLI
 ZAINULFAQAR YAACOB
 NORSHAHIDA YUSOFF
 WATAWA NATAF ZULKIFLI
 SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
 LAW SUUN TING
 ALISSALA THIAN
 AHMAD ADIL MUHAMAD
 DARWINA MOHD. DAUD
 ALVIE CHENG CHIN WEI
 NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
 CHAN KOK KUAN
 ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
 IDZHAM AHMAD
 NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
 Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
 Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
 Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

www.buletinmutiara.com
[f](#) buletinmutiara | ChowKonYeow
[i](#) chowkonyeow
[t](#) @chowkonyeow

Agong adakan lawatan kerja ke Pulau Pinang

BAYAN LEPAS - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersama-sama Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berangkat tiba di Pulau Pinang pada 20 Disember lalu untuk melakukan lawatan kerja selama tiga hari.

Baginda dan Raja Permaisuri yang menaiki penerbangan khas berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada jam 10 pagi.

Keberangkatan tiba pasangan diraja tersebut disambut oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee; Speaker Dewan Undangan Negeri Dato' Law Choo Kiang; barisan Exco Kerajaan Negeri serta para ketua jabatan kerajaan.

Ini merupakan lawatan julung kalinya baginda berdua ke Pulau Pinang selepas Al-Sultan Abdullah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 31 Januari 2019.



SESI bacaan doa selepas keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Pulau Pinang.

Agong zahir rasa kagum terhadap keharmonian, perpaduan serta pembangunan dinikmati rakyat Pulau Pinang

GEORGE TOWN - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat ke Majlis Santapan Malam Diraja bersama-sama rakyat berbilang kaum dekat The Top, Komtar.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Keberangkatan tiba baginda berdua diiringi oleh Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee; barisan Exco Kerajaan Negeri; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Only World Group Holdings Berhad, Tan Sri Richard Koh dan isteri Puan Sri Jean Koh serta dif-dif kenamaan yang lain.

Al-Sultan Abdullah semasa bertitah menzahirkan rasa kagum terhadap kemajuan pembangunan yang dinikmati oleh kebanyakan rakyat di negeri ini.

Baginda bertitah, di Pulau Pinang terdapat pelbagai faktor yang mampu menarik kehadiran pelancong terutamanya daripada segi peningkatan kemajuan ekonomi, keindahan alam semula jadi dan makanan yang lazat.

"Pulau Pinang sentiasa dekat di hati saya kerana ada tarikan unik iaitu rakyat berbilang kaum, bangsa dan agama hidup dalam keadaan harmoni serta bersatu-padu. Banyak perkara yang kita boleh dipelajari daripada masyarakat setempat di negeri ini.

"Banyak juga pembangunan telah ditingkatkan yang menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan daripada segi ekonomi di Pulau Pinang.

"Justeru, adalah diharapkan agar masyarakat di negeri ini terus kekal bersatu-padu dan tidak melakukan perkara sebaliknya kerana Pulau Pinang sudahpun dikenali di mata dunia," titah baginda pada majlis yang berlangsung pada 20 Disember 2019.

Sementara itu, Kon Yeow yang turut berucap sebelum itu memberitahu bahawa perpaduan kaum di negeri ini sentiasa dipertingkatkan melalui pelbagai program dan aktiviti merangkumi semua bidang seperti sosial, rekreasi, pendidikan, sukan, kebudayaan, kesihatan, ekonomi serta agama.

"Kerajaan Negeri juga mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pelbagai aktiviti ke arah menyatupadukan rakyat termasuk peranan dimainkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang melaksanakan program-program bercorak perpaduan dengan lebih proaktif," jelasnya.

Tambah beliau, kerjasama dan sokongan rakyat serta



KETUA Menteri mengiringi Yang di-Pertuan Agong yang bertitah pada Majlis Santapan Malam Diraja bersama-sama rakyat berbilang kaum di sini.



RAKYAT berbilang kaum tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama-sama Al-Sultan Abdullah.

penglibatan semua pihak sangat diperlukan untuk memastikan Pulau Pinang terus makmur dan sejahtera serta dihormati di persada antarabangsa.

"Semua pandangan dan maklum balas masyarakat diambil kira untuk memastikan kemakmuran dan kesejahteraan dalam kehidupan menjadi milik keseluruhan rakyat," ujarnya.

Rasai pengalaman menaiki funikular ke Bukit Bendera



RAKAMAN gambar kenangan di Curtis Crest Tree Top Walk, The Habitat.

LAWATAN KE BUKIT BENDERA... Bersempena lawatan kerja Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah serta Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ke Pulau Pinang, baginda turut sudi bercemar duli melawat ke Bukit Bendera yang merupakan kawasan pelancongan ikonik bagi Pulau Pinang.

Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah juga berkenan merasai sendiri pengalaman menaiki funikular ke stesen atas puncak Bukit Bendera dan melawat The Habitat yang terletak dalam hutan simpanan kekal Bukit Kerajaan. Malah, baginda berdua turut meluangkan masa melawat Curtis Crest Tree Top Walk dan seterusnya merentasi Canopy Walk.



SEBAHAGIAN persembahan menarik yang dipersembahkan.

Agong rasmi Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan merasmikan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dekat sini pada 21 Disember lalu.

Ketibaan Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah disambut Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee; Timbalan Ketua Menteri I merangkap Exco Hal-Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan

Perhubungan Masyarakat, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri serta para ketua jabatan kerajaan.

Turut serta, Ketua Pengarah yang juga Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Yang Amat Arif Datuk Dr. Mohd. Naim Mokhtar dan mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang, Datuk Mohamad Shakir Abdul Hamid.

Baginda turut berkenan menandatangani plak perasmian seterusnya melawat kamar perbicaraan kompleks kehakiman.

Al-Sultan Abdullah semasa berucap sebelum itu bertitah supaya usaha meningkat dan menyebarkan syiar Islam di negara ini perlu diteruskan dengan sistem serba lengkap supaya dapat menjadi agama contoh serta dipandang tinggi.

"Dalam pada itu, perlu juga

diadakan kerjasama yang erat dengan agama-agama lain supaya setiap rakyat yang dinaungi berada dalam keadaan hibah dan harmoni terutamanya dalam negara berbilang kaum.

"Kita semua harus berada dalam keadaan aman, sentiasa harmoni serta saling hormat-menghormati di antara satu sama lain tanpa mengira agama dan bangsa kerana Malaysia sudah dilihat sebagai negara contoh," titah baginda.

Walaupun terdapat desas-desus mengenai masalah terpencil, tetapi baginda bertitah bahawa secara keseluruhannya ditadbir dengan sebaik mungkin.

"Saya berasa kagum kerana Alhamdulillah negara kita diuruskan dengan sebaik mungkin.

"Mungkin ada yang boleh diperbaiki dari semasa ke semasa, saya rasa bangga dapat melihat



YANG di-Pertuan Agong berjabat tangan dengan Ketua Menteri selepas merasmikan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

keharmonian penduduk khususnya di Pulau Pinang," titah baginda lagi.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM60.05 juta bagi institusi agama melalui belanjawan 2020 yang bertujuan mengukuhkan syiar Islam di negeri ini.

"(Dan) dengan tertegaknya bangunan yang baru ini (Kompleks Kehakiman Syariah), saya berharap agar penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Islam di negeri ini dapat dilaksanakan dengan efisien serta selaras dengan visi, misi dan moto Kerajaan Negeri," ujarnya.

Kerajaan Negeri terima titah pastikan rakyat terus kekal bersatu-padu, hidup dalam suasana harmoni

BAYAN LEPAS - Barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengambil serius titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah supaya masyarakat di negeri ini terus kekal bersatu-padu serta hidup dalam suasana makmur dan harmoni.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri menerima nasihat yang dititahkan baginda dan berusaha untuk memastikan segala hasil pembangunan negeri dapat membawa manfaat kepada seluruh rakyat.

"Tuanku bertitah sebanyak tiga kali dengan menasihati supaya kita semua hidup dalam keadaan harmoni dan menjadi contoh sebagai sebuah negeri yang berbilang bangsa serta agama dan dapat hidup bersama dengan baik.

"Kerajaan Negeri akan menerima nasihat ini dan berusaha sungguh-sungguh untuk memastikan pembangunan negeri dapat membawa manfaat kepada semua rakyat di samping mewujudkan semangat perpaduan dan toleransi," ujar beliau kepada pemberita selepas mengiringi keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sempena lawatan kerja selama tiga hari di negeri ini dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini 22 Disember lalu.

Ketibaan baginda dan raja permaisuri pada jam 11.45 pagi disambut oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut serta, isteri Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar serta ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan di atas pujian Yang di-Pertuan Agong terhadap kemajuan pembangunan di Pulau Pinang sebagaimana yang dititahkan baginda sebelum ini.

"Kita juga berasa bersyukur kerana semua program yang diatitkan sempena lawatan kerja Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berjalan dengan lancar.

"Kerajaan Negeri berharap agar Tuanku berdua akan mengambil kesempatan pada masa akan datang untuk kembali melawat Pulau Pinang," ulasnya.



TOH Puan Majimor Shariff (barisan depan, dua dari kiri), Puan Tan Lean Kee (kiri sekali) dan barisan jemputan merakam gambar kenangan ketika mengiringi keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Rakyat bakal nikmati limpahan pembangunan daripada Visi Penang2030, titah Yang di-Pertuan Agong

GEORGE TOWN - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, setiap daripada rakyat di negeri ini bakal menikmati limpahan pembangunan hasil daripada pelaksanaan Visi Penang2030.

Baginda juga bertitah bahawa dengan kesungguhan ditunjukkan oleh barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, wawasan tersebut akan berjaya dicapai.

"Pulau Pinang menunjukkan perkembangan ekonomi yang sangat positif seperti mana yang dinyatakan Ketua Menteri berkaitan (Visi) Penang2030.

"(Dan) yang paling ketara adalah kesejahteraan rakyat akan dapat dicapai dalam masa terdekat ini yang mana setiap daripada (rakyat) di Pulau Pinang dapat merasai limpahan pembangunan daripada Visi Penang2030," titah baginda pada Majlis Santapan Malam Bersama-sama Kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini 21 Disember lalu.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee; Timbalan Ketua Menteri I merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli-ahli Ex-Officio Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta para ketua jabatan Kerajaan Negeri.

Titah baginda lagi, Pulau Pinang dilihat berkembang maju seiring dengan kepesatan pembangunan pada hari ini.

"Sepanjang lawatan dua hari ini, saya begitu kagum dengan kepesatan yang dikecapi oleh Pulau Pinang yang satu masa dahulu hanya sebuah pulau yang menjadi pusat pelabuhan dan pusat persaingan pedagang sekitar abad ke-18.

"Tetapi melalui kunjungan saya ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang, saya dapati pembangunan di negeri sangat pesat di samping kemudahan infrastruktur yang maju," titah baginda lagi.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama Yang di-Pertuan Agong pada Majlis Santapan Malam Bersama-sama Kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow dalam ucapan beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan merancang pelbagai aktiviti di bawah Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Tambah beliau, dengan menggariskan empat tema utama dan 16 strategik inisiatif, Kerajaan Negeri mensasarkan kemakmuran hidup sebenar dapat dinikmati rakyat, selain Pulau Pinang dikenali sebagai negeri paling hijau di negara ini dalam tempoh 11 tahun dari sekarang.

"Empat tema tersebut adalah meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

"Pelan ini telah pun mula dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa tidak ada alternatif lain kepada pembangunan yang seimbang.

"Sektor ekonomi perlu dibentuk seiring dengan pemeliharaan planet serta alam sekitar kerana keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi serta perlindungan ekologi adalah matlamat ke arah negeri hijau," jelasnya.

Ruang kerja selesa berkonsep hijau, Paramit terima pujian

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

BUKIT TAMBUN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini mengadakan lawatan khas ke Paramit Malaysia (Paramit) iaitu sebuah syarikat pembuatan peranti perubatan terkemuka berpangkalan di Amerika Syarikat, Paramit Corporation.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengurus Paramit, Michel Van Crombrugge yang turut mengiringinya sepanjang lawatan tersebut.

Pengarah Kewangan Paramit, Francis Lai; Pengarah Kanan Operasi & Kejuruteraan Paramit, Nachi KN Nachiappan; Pengurus Kanan Perolehan Paramit, M. Chandar dan Pengurus Sumber Manusia Paramit, Suriati Abdul Samad antara yang turut serta pada lawatan bertarih 16 Disember 2019.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berpeluang melihat secara dekat proses pengeluaran yang menggunakan jentera moden dan canggih, selain diberikan taklimat oleh pihak pengurusan Paramit.

Usai lawatan, Kon Yeow menzahirkan penghargaan kepada pihak pengurusan Paramit serta memuji inisiatif syarikat tersebut dalam menyediakan ruang kerja yang selesa dan berkonsepkan hijau.

Malah, beliau turut berbangga kerana Paramit membawa inovasi perubatan ke negara ini khususnya di



KETUA Menteri sambil diiringi barisan kepimpinan Paramit beramah-mesra dengan beberapa kakitangan bersempena lawatan beliau ke syarikat tersebut di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang termasuk usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Difahamkan, sehingga kini terdapat 556 pekerja di fasiliti yang telah beroperasi sejak Jun 2016 itu.

Terletak di *Penang Science Park* dekat Taman Perindustrian Bukit Minyak, Paramit Malaysia merupakan salah satu fasiliti pembuatan peranti perubatan dan instrumen sains hayat terbesar di rantau ini.

Kilang yang berkeluasan 162,000 kaki persegi itu turut dikenali sebagai ‘kilang dalam hutan’ kerana menerapkan konsep alam semula jadi meskipun fasiliti tersebut merupakan yang tercanggih dan moden.

Program Sukan Untuk Semua diharap lahir lebih ramai atlet cemerlang

SUNGAI DUA – Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap agar program Sukan Untuk Semua yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dapat melahirkan lebih ramai atlet cemerlang pada masa akan datang.

Menurut beliau, golongan muda boleh memanfaatkan program tersebut untuk menyerlahkan bakat masing-masing dalam bidang sukan yang diminati.

“Melalui penganjuran program ini, Kerajaan Negeri mahu lahirkan lebih ramai pelapis muda dalam pelbagai jenis sukan sama ada di peringkat negeri mahupun antarabangsa.

“Oleh itu, diharapkan atlet-atlet muda dapat mengambil peluang ini untuk memajukan diri dalam sukan yang diminati sekaligus dapat menyerlahkan lagi potensi masing-masing,” ucapnya semasa merasmikan program Sukan Untuk Semua bagi Kejohanan Petanque dekat Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Jaya di sini pada 14 Disember 2019.

Turut hadir, Presiden Persatuan Petanque Negeri Pulau Pinang, Ahmad Khosaini dan wakil daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Harry Chai.

Mengulas mengenai perkembangan petanque di negeri ini, Lip Chee memberitahu bahawa masih banyak usaha perlu dilakukan bagi memperkenalkan lagi sukan tersebut.

“Petanque pada masa ini lebih popular dalam kalangan kaum Melayu.

Justeru, kita merasakan bahawa perlu ada usaha untuk mempromosikan lagi sukan ini kepada pelbagai kaum terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah di negeri ini.

“Hari ini kita ada 68 pasukan yang mengambil bahagian dan kita harap pada tahun depan kita boleh tingkatkan kepada 100 pasukan,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Dalam pada itu, Ahmad Khosaini menyatakan bahawa pihaknya berhasrat untuk menganjurkan kursus pengenalan bagi sukan petanque untuk sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

“Setakat ini kita ada 30 peserta dari tiga sekolah yang berdaftar dalam Persatuan Petanque, dan pada masa akan datang kita sasarkan jumlah penyertaan akan dapat ditingkatkan,” jelasnya.

SOON Lip Chee (tengah) bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa, para jemputan dan barisan peserta Kejohanan Petanque sempena program Sukan Untuk Semua di sini baru-baru ini.



OCBC Bank, Monitor ERP meterai MoU penuhi keperluan pembiayaan PKS

GEORGE TOWN – OCBC Bank Malaysia Sdn. Bhd. (OCBC Bank) dan *Monitor Enterprise Resources Planning System* (Monitor ERP) baru-baru ini memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bagi menyediakan pembiayaan bersesuaian kepada pelanggan dari sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk pembelian sistem ditawarkan Monitor ERP.

Monitor ERP yang ditubuhkan pada 1974 di Sweden mempunyai hab di Pulau Pinang sejak 2013 dan merupakan peneraju pasaran dalam perisian serta penyelesaian sistem ERP bagi sektor pembuatan dalam mengurus dan mengawal keseluruhan operasi dengan lebih cekap.

Perisian pengurusan operasi membolehkan organisasi mengintegrasikan aplikasi perniagaan mereka serta mengautomatiskan keseluruhan rantaian nilai dengan meningkatkan kecekapan, produktiviti dan mengurangkan kos upah buruh.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, industri pembuatan di negeri ini tidak akan berkembang maju sekiranya tiada rantaian bekalan yang mencukupi serta sokongan daripada lebih 3,000 PKS.

“Ketika kita sedang mengorak langkah menuju Industri 4.0, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan usaha dengan memberi galakan kepada syarikat-syarikat sedia ada terutamanya daripada sektor PKS untuk sama-sama membawa perubahan serta merangkul kemajuan dalam teknologi dan inovasi.

“Saya percaya usahasama antara OCBC Bank dan Monitor ERP ini adalah inisiatif terhebat untuk dimanfaatkan oleh PKS tempatan dan dilema mengenai kos (operasi) dapat diselesaikan melalui perkongsian ini,” ujarnya pada majlis memeterai MoU berkaitan di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa sektor PKS kini perlu meningkatkan daya saing dan produktiviti seiring dengan perkembangan semasa.

Dalam pada itu, Pengurus Kanan Cawangan OCBC Bank Pulau Pinang, Chea Hak Tee dalam sidang media kemudiannya memaklumkan bahawa penawaran pembiayaan yang bersesuaian merupakan sebahagian komitmen berterusan bank berkenaan bagi memenuhi keperluan pembiayaan yang semakin meningkat dalam sektor PKS.

“Kami (OCBC Bank) ingin terus memainkan peranan aktif dalam perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan PKS sebagai penyumbang terpenting terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri ini,” katanya.

Pengarah Urusan Monitor ERP, Daniel Haggmark memberitahu bahawa syarikat tersebut tidak sabar untuk bekerjasama dengan OCBC Bank terutama dalam menyediakan bantuan kewangan kepada sektor PKS untuk menjadi lebih berdaya saing.

“Pembiayaan perisian biasanya sangat jarang berlaku dan kami berharap inisiatif ini dapat memudahkan PKS mempersiapkan diri untuk masa depan yang kompetitif.

“(Dan) berharap usaha kami ini akan membantu PKS agar terus menjadi tulang belakang ekonomi Pulau Pinang dan Malaysia,” jelasnya.

Bagi Naib Pengerusi Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) Cawangan Pulau Pinang, Datuk Jimmy Ong percaya bahawa kerjasama antara OCBC Bank dan Monitor ERP patut diberi pujian.

“Terdapat banyak bank yang tidak mahu membiayai perisian kerana perisian merupakan sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

“Kami berbangga menjadi sebahagian daripada usaha dalam meneraju inisiatif tersebut serta membawa OCBC Bank dan Monitor ERP bersama-sama bagi membolehkan sektor PKS terus berdaya maju dan berdaya saing,” ulas beliau.

Difahamkan, skim pembiayaan untuk pembelian sistem ERP ini disediakan kepada PKS bagi tempoh tiga hingga lima tahun dengan kadar kompetitif.



DANIEL Haggmark.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
 Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.
 (Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 10346 : MASITAH BINTI AHMAD - 86082635**** NO. 70 LORONG CASSIA TENGAH 12, BANDAR CASSIA 14100 BATU KAWAN, SPS Penjamin 1 : ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH - 58050207**** 1283 KEPALA BUKIT, BUKIT TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS Penjamin 2 : NORRASHIDI BIN MOHD NOOR - 66041107**** NO. 34 JALAN TAMBUN, TAMAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam : 10359 : MOHD ALLIF BIN MD SALLEH - 87070535**** NO. 11 LORONG KESUMBA 4, TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS Penjamin 1 : ROHAN BINI AHMAD - 61112807**** NO. 32 LORONG KESUMBA 1 , TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS Penjamin 2 : MASITA BINTI REJAB - 59090907**** 320 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS	No Akaun Peminjam : 10362 : THIAGU A/L GANDIVAN - 81122307**** NO. 30 JALAN KP 2/4, KOTA PERDANA, BANDAR PUTRA PERMAI 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR Penjamin 1 : VELOO A/L THANNIMALAI - 65030302**** NO.6006 JALAN DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU Penjamin 2 : CHITRABALAN A/L MUNIANDY - 67090807**** NO. 1748 JALAN SEKOLAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 10363 : INTAN NUR FARRAH BINTI RAHMAT - 87103035**** MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYENGAT, PARIT JAWA 84150 MUAR, JOHOR Penjamin 1 : RAHMAT BIN M SALLEH - 56062001**** MBP 437 KR LOT 6052A, PT PENYENGAT, JALAN BATU PAHAT 84150 MUAR, JOHOR Penjamin 2 : GANASAN A/L RETHNAM - 55120208**** NO. 9 LORONG SUTERA 8, TAMAN SUTERA 13700 SEBERANG JAYA
No Akaun Peminjam : 10365 : WILLIAM A/L DEVASAGAYAM - 81012107**** NO. 10 JALAN PAHLAWAN, TAMAN LAGENDA INDAH, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH Penjamin 1 : DEVASAGAYAM A/L SOOSAY - 54071107**** NO.1918 MK 15 LADANG ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 2 : PUVANDERAN A/L GOPAL KRISHNAN - 82091907**** 23 TINGKAT KANCIL 1, TAMAN HWA SENG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 10373 : YEOH KAH PIN - 83060407**** 1-11-04 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, JELUTONG 11600 PULAU PINANG Penjamin 1 : YEOH KOK HIN - 55052507**** 1-A6-1 TAMAN KILANGIN, JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG Penjamin 2 : SARAVANAN A/L PARASU RAMAN CHETTY - 69040907**** 8B-3-2 GAT LEBUH MACALLUM, KOMPLEKS PULAU MUTIARA 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10382 : SYED MOHD AZRIE IZANIE B SYED SHAARI - 84121708**** A-3-13 PANGSAPURI ANGKASA INDAH, TAMAN ANGKASA INDAH 43000 KAJANG, SELANGOR Penjamin 1 : MOHAMAD RODZI BIN IDRIS - 64062507**** BLOK AY-4-6 TAMAN TUN SARDON II, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG Penjamin 2 : SARIPAH BINTI MAT - 60102108**** NO. 75 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 10384 : ISMARIZA BINTI ISMAIL - 84013007**** NO. 53 LENGKOK SEMBILANG, SEBERANG JAYA 13700 PERAI Penjamin 1 : ISMAIL BIN SHARIF - 53122107**** 53 LENGKOK SEMBILANG 13700 SEBERANG JAYA, PERAI Penjamin 2 : OTHMAN BIN SHARIF - 56102907**** 1531 PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam : 10386 : MOHD NUR IKHSAN BIN MOHD NASIR - 84100707**** NO. 3 PERSIARAN PUNCAK ISKANDAR. 2B/17 PUNCAK ISKANDAR 32610 SRI ISKANDAR, PERAK Penjamin 1 : ABD RAHMAN BIN HASSAN - 65020907**** NO. 328 LORONG GEMILANG 12, TAMAN GEMILANG, LUNAS 09600 KEDAH Penjamin 2 : ZURYATI BTE ISHAK - 66102907**** NO. 328 LORONG GEMILANG 12, TAMAN GEMILANG, LUNAS 09600 KEDAH	No Akaun Peminjam : 10387 : NORAILA BINTI MOHAMED RAZALI - 87031035**** 531 MK 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 1 : MOHAMED RAZALI BIN MOHAMED SHAH - 60031006**** 531 MUKIM 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 2 : SHUKOR BIN MAT NOH - 64043007**** NO. 531 MUKIM 19 , MENGKUANG SUNGAI LEMBU 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 10392 : OOI BOON PYNG - 85103107**** 1907 LORONG MERBAU INDAH 10, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH Penjamin 1 : OOI BOON CHUAN - 82032307**** 1907 LORONG MERBAU INDAH 10, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH Penjamin 2 : YEOH AH KAM - 58031471**** 1907 LORONG MERBAU INDAH 10, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 10394 : MUNA BINTI ABD PATAH - 82101107**** 1191 MUKIM 8, JALAN PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 1 : FADZILAH BINTI IBRAHIM - 63091207**** 1071 MK 20, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 2 : MOHD TAUFIQ BIN AHMAD DESA - 82070307**** 216 LORONG KENANGA 3A, TAMAN DESA IMPIAN 09000 KULIM, KEDAH
No Akaun Peminjam : 10397 : LIM FANG KHONG - 81111007**** 2103 PERMATANG TOK MAHAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS. Penjamin 1 : LIM JIT TENG - 56101808**** 2103 PERMATANG TOK MAHAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS. Penjamin 2 : MUSTAFA BIN HARUN - 68020108**** NO. 478 SUNGAI KOTA, BAGAN TIANG, TANJUNG PIANDANG 34250 PERAK	No Akaun Peminjam : 10403 : DIAUDDIN BIN MOHAMED ALI - 85122307**** 399-4-4 TAMAN DATO SYED ABBAS, JELUTONG 11600 PULAU PINANG Penjamin 1 : MOHAMED ALI BIN NAGOOR MEERAH - 55081007**** 2A-26-03 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG Penjamin 2 : CHINNASAMY A/L RAMASAMY - (MENINGGAL DUNIA) III B-1-9 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10405 : HUAH GIAN TEONG - 84062607**** NO.21 LORONG BELIBIS 5, TAMAN TANGLING 14100 SIMPANG AMPAT, SPS Penjamin 1 : LIM KAH HOON - 63071608**** NO.598 POKOK ASSAM 34000 TAIPING, PERAK Penjamin 2 : HUAH KHENG LEE - 82061207**** 1075 JALAN 2, KAMPUNG VALDOR 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam : 10409 : KUGENESWARIA /P MUNIANDY - 86121935**** M-4-14 PANGSAPURI UDA, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG Penjamin 1 : MUNIANDY A/L R SOCKALINGAM - 59121307**** M-4-14 PANGSAPURI UDA, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG Penjamin 2 : UTHAYANAYAKEE A/P ADIAPPEN - 67111707**** M-4-14 PANGSAPURI UDA , TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 10416 : NOOR AFIZA BINTI MUSTAFAR - 83070908**** NO. 30 LORONG BENTARA 5, BANDAR BARU BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU Penjamin 1 : MUSTAFAR BIN HASHIM - 57122105**** NO. 30 LORONG BENTARA 5, BANDAR BARU BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU Penjamin 2 : ROKIAH BINTI TALIB - 58051508**** 4 LORONG SERI INDAH 1, TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 10423 : TAN CHEN KHUAN - 83110307**** 2 LORONG AMPANG JAJAR 6, TAMAN AMPANG JAJAR 13500 PERMATANG PAUH Penjamin 1 : TAN ONG LEE - 55102707**** 763 JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI Penjamin 2 : TAN CHEE WEI - 77123107**** 763 JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam : 10430 : ASMAR HAKIM BIN HALIM - 86031835**** NO 20, JALAN BM 6/12B, BANDAR BUKIT MAHKOTA 43000 KAJANG, SELANGOR Penjamin 1 : MOHD SUHAINE BIN MOHD NOOR - 60122810**** NO. 553 JALAN SEMARAK 1, TAMAN SEMARAK, SUNGAI PASIR 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH Penjamin 2 : MANSOR BIN AB HAMID - (MENINGGAL DUNIA) 16 TAMAN BUNGA MAWAR, JALAN BUKIT AWI 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam : 10434 : MOHAMMAD IZZAT BIN IZMAN - 86072935**** 5-2-7 KRYSTAL IDAMAN, LEBUH BUKIT KECIL 6, SUNGAI NIBONG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 1 : IZMAN BIN ISMAIL - 62081907**** BLOK 18A-3-10 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDUNG, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG Penjamin 2 : JARIAH BINTI SIDEK - 62032007**** BLOK 18A-3-10 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDUNG, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 10441 : MUHAMAT TARMIZI BIN MUSTAFFA - 86021807**** 1251 MK 16, BERANGAN 9, MACANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM Penjamin 1 : MUSA BIN MUSTAFFA - 82092807**** NO. 386 JALAN BESTARI 13, TAMAN BESTARI, KULIM 09000 KEDAH Penjamin 2 : NOR MASHITA BINTI HELMI - 76042602**** 1250-A BERANGAN 9, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 10443 : MUHAMMAD SHAKIR BIN SYED SULTAN - 85102207**** H-G-20 LORONG HELANG SATU, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG Penjamin 1 : SYED SULTAN BIN HASSAN MOHAMMAD - 47011907**** H-G-20 LORONG HELANG SATU 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG Penjamin 2 : IZLINA SHAHNOOM BINTI MOHD IMAM - 84011507**** PLOT 4, JALAN KAMPUNG BENGKALI 13020 SUNGAI PUYU, BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 10450 : TAN ZHI SHIN - 85092307**** 90-19-19 KOTA EMAS, LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG Penjamin 1 : TAN KIM ENG - 63030607**** 29-5-8 JALAN SAMAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG Penjamin 2 : HOO CHIN YOKE - 56050307**** 90-19-19 KOTA EMAS, LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10460 : AMBIGAI BHAGAN A/L ARUNAGIRI - 87101007**** NO.55-S SOLOK YORK 10450 PULAU PINANG Penjamin 1 : SAKUNTHALA A/P THARMALINGAM - 62030907**** NO. 55-S SOLOK YORK 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG Penjamin 2 : NAGARAJAN A/L THARMALINGAM - 70070507**** 22-4-20 EASTERN COURT, LORONG HJAU 8, 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 10461 : RAFIDAH BINTI ARIS - 79071709**** NO. 23 LORONG 40, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS Penjamin 1 : AEZMAN BIN YUSUF - (MENINGGAL DUNIA) 11 TAMAN AMAL, BATU 5 JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR, KEDAH Penjamin 2 : ARIS BIN YUSUF - R/F63*** NO. 23 LORONG 40 , TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam : 10473 : NOOR SYUHAIDA BINTI SHOLIHIN - 84112807**** BLOK B-4-5 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG Penjamin 1 : SHOLIHIN BIN ALI - 55121402**** B-4-5 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN MAKTHUN - 76080307**** 18A-3-8 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10474 : MOHAMMAD SHAMSURINAIM BIN AHMAD - 87122502**** 3-09-A TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN DIN - (MENINGGAL DUNIA) BLOK A-09-3 TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH Penjamin 2 : MOHAMED KERAN DANIE BIN AHMAD - 78030307**** 3-09-A JALAN PADANG BENGKALI, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 10481 : LIM YEE CHERN - 86072535**** NO. 20 JALAN INANG 21/9, SEKSYEN 9, BANDAR MAHKOTA CHERAS 43200 CHERAS, SELANGOR Penjamin 1 : CHOO AI LIAN - 59080107**** 57 LEBUH SERI GENTING 1, TAMAN SERI GENTING, BALK PULAU 11000 PULAU PINANG Penjamin 2 : CHOO AI BEE - 66100507**** 662 JALAN 3/1P, BANDAR SEREMBAN SELATAN, SUNGAI GADUT, SEREMBAN 74500 NEGERI SEMBILAN
No Akaun Peminjam : 10491 : SUMAN RAJ A/L GANASAN - 84040307**** NO. 500 LORONG SELASIH 1A/5, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH Penjamin 1 : PANJARATNAM A/P TANIMALAI - 63052606**** NO. 307 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH 3, 09600 LUNAS, KEDAH Penjamin 2 : MANI MARAN A/L MUNISAMY - (MENINGGAL DUNIA) NO. 307 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH 3, 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam : 10500 : RAFIQAH BINTI JAMIL - 81010314**** NO.5010 MK 8, SIMPANG EMPAT, PERMATANG BULUH 13200 KEPALA BATAS, SPU Penjamin 1 : REEDZUAN BIN ABDUL RAZAK - 79061403**** 65 JALAN TAMAN CEMERLANG 1/3A, TAMAN CEMERLANG 53200 KUALA LUMPUR Penjamin 2 : NASROL AZUAN BIN ABDUL WAHAB - 84031503**** NO. 27 JALAN TAMAN MELATI 5, TAMAN MELATI 53100 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam : 10505 : KRISHNARAJ A/L RETHINAVELOO - 83101607**** 7-12B-4 UNION HEIGHTS CONDO, JALAN AWAN DANDAN, TAMAN YARL 58200 KUALA LUMPUR Penjamin 1 : RETHINAVELOO A/L CHINNNIAH - 49120607**** NO.8 TINGKAT MUHIBBAH 4, TAMAN B 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 2 : TEH POEY LEE - 67040510**** 36 TINGKAT DAMAI 1, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 10507 : K RANJINI A/P KALIDASS - 78112702**** NO.1 LORONG PALA SATU, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 1 : SANTHA KUMARI A/P NP RAJENDRAN - 62062408**** NO. 175 JALAN 2/2, TAMAN WIRA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH Penjamin 2 : KALIDASS A/L P APPADURAI - 51090707**** NO. 1 LORONG PALA 1, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 10509 : MUHAMMAD SHAHRIZAL BIN ABDULLAH (YADEV KUMAR A/L BATHAMANATHAN) - 85060307**** LOT 29868 TADIKA DIYANA, LORONG DATO SULAIMAN 1, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR Penjamin 1 : VASU A/L VENGADASON - 63051707**** NO. 65 LORONG SEJAHTERA 2, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 2 : NYANAMBAL A/P R MARIMUTHU - 56070707**** 29 LORONG ALMA JAYA 20 , TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 10513 : MD JAUHARUL HAQAIQ BIN HARUN - 86040535**** NO. 12 PINTASAN SUNGAI ARA 4, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG Penjamin 1 : HARUN BIN ABU BAKAR - 57022411**** NO.12 PINTASAN SUNGAI ARA 4, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 2 : OMAR BAKI BIN ABD GHANI - 54052202**** NO. 34 KAMPUNG BADLISHAH 09800 SERDANG, KEDAH,	No Akaun Peminjam : 10519 : MOHD HASNEY SHAIPOI BIN OTHMAN - 83060107**** NO.1903 KAMPUNG BARU 14100 SIMPANG AMPAT, SPS Penjamin 1 : HASNEYSHAM BINTI OTHMAN - 72060307**** NO. 3 LORONG TERATAI 8, TAMAN MUTIARA TERATAI 14110 BATU KAWAN, SPS Penjamin 2 : IDRUS BIN DIN - 71011007**** NO. 3 LORONG TERATAI 8, TAMAN MUTIARA TERATAI 14110 BATU KAWAN, SPS	No Akaun Peminjam : 10524 : NOOR AIMILIA BINTI AMERSHAH - 82100107**** A-19-01 CASA PRIMA APARTMENT, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA Penjamin 1 : ROZOWO BINTI HASHIM - 52110107**** NO.56 TAMAN DESA JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH Penjamin 2 : HALIZA BINTI HASHIM - 68070107**** 1173 MUKIM 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

ECO BLOOM

• Where Life Flourishes •

LOT KOMERSIAL DUA TINGKAT | 22' x 68'
@ Simpang Ampat, Pulau Pinang

Hak milik kekal • Kedudukan strategik
Akses mudah • Dikelilingi oleh kediaman mapan

Unit bumiputera kini dibuka untuk jualan dengan

5%
BUMIPUTERA
REBAT

+

KEMPEN

#SENANGjer

KUNJUNGI SEKARANG, MASA TERHAD!

EcoWorld Gallery @ Eco Meadows
Eco Meadows Sdn. Bhd. (1088028-X)

740, Mukim 14, Jalan Paboi, Seberang Perai
Selatan, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang

E.ecomeadows@ecoworld.my
EcoWorld Gallery @ Eco Meadows

Nikmati perkhidmatan dan bantuan bertaraf dunia kami setiap hari.
Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg
Hujung Minggu dan Cuti Umum 10pg - 6ptg

+604 510 2255
www.ecoworld.my

Crafted by
ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 10525 NOR SUHAIDY BIN RAMLI - 70121801**** 67 JALAN MUHIBBAH FASA 9, TAMAN SRI GOMBAK, BATU CAVES 68100 GOMBAK, SELANGOR Penjamin 1 : MOHD MAZLAN BIN ABU BAKAR - 76123108**** 8B2-02-07 BLOK 8B2, PARCEL 8 PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA Penjamin 2 : NOR SUZAIRIN BIN RAMLI - 8111707**** 9-6-6 PANGSAPURI TNB, PERSIARAN BAYAN 2, SUNGAI ARA 11900 BATU MAUNG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10526 CHEE KANG HWAI - 83032307**** 58-3-14 JALAN KURAU FLATS, JELUTONG 11600 PULAU PINANG Penjamin 1 : CHEE KANG KAI - 80041407**** 1B-20-2 SOLOK TANJUNG BUNGAH 11200 TANJONG BUNGAH, PULAU PINANG Penjamin 2 : YU SEE YEONG - 80122708**** A-829 JALAN PEKELILING, POKOK ASSAM, TAIPING 34000 PERAK	No Akaun Peminjam : 10534 INTAN ISMIDA BINTI ISMAIL - 86032935**** NO.1568 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU Penjamin 1 : FARIDAH BTE MUSTAPA - 60021807**** 1568 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU Penjamin 2 : CHE HAIZAN BINTI ALI - 58082703**** 577 MK 4, PERMATANG JANGGUS 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam : 10548 SURESH A/L SINNAPAYAH - 85112008**** NO.1-02 RUMAH PANGSA, JALAN CHANDA SHERIFF 14300 NIBONG TEBAL, SPS Penjamin 1 : SINNAPAYAH A/L KUPPAN - (MENINGGAL DUNIA) 1-02 RUMAH PANGSA JLN CHANDA SHERIFF, TAMAN SENTOSA 14300 NIBONG TEBAL, SPS Penjamin 2 : CHINAKANNE A/P SAMY RENGAPPAN - 57111307**** 22 LORONG BISTARI 9, TAMAN BISTARI 14300 NIBONG TEBAL, SPS
No Akaun Peminjam : 10552 CHAN YUK CHOON - 81082407**** NO.104 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH Penjamin 1 : CHAN SHWU WEN - 77012702**** NO.104 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH Penjamin 2 : TAN HOP YEE - 55011502**** NO.1448 JALAN 4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam : 10558 NORHAYATI BINTI ZAINO ABIDIN - 83092608**** A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG Penjamin 1 : NOORSALMIEDA AYU BINTI MOHD NOOR - 80031207**** A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG Penjamin 2 : UBAIDULLAH BIN S M ABU BAKAR - 58042707**** BLOK 35B-3-2 KUARTERS PERGURUAN, JALAN MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10560 MELANIE CHRISTINA A/P GANAPRAGASAM - 84082607**** 2-9-8 LENGKOK NIPAH 3, TAMAN JUBLEE, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG Penjamin 1 : MUNISWARI A/P KESAVAN - 76120907**** 1-2-2 PEKAKA FLATS, JALAN PEKAKA 2, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG Penjamin 2 : RAVENDREN A/L JAYAPRKAS - 78122807**** 1-2-2 PEKAKA FLATS, JALAN PEKAKA 2, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10563 SHAMALA DEVHI A/P BHASKARAN - 85022507**** NO. 119 PERSIARAN JELAPANG 13, TAMAN SILIBIN 30100 IPOH, PERAK Penjamin 1 : RAJAMANI A/P SUBRAMANIAM - 58011507**** 20 LORONG SEJAHTERA 13, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM Penjamin 2 : VANETHAMONI A/P BHASKARAN - 80092907**** 75 JALAN ALMA JAYA, TAMAN BUDIMAN 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 10569 NEELAVANAN A/L MATHIALAGAN - 84092607**** BLOK 5-10-2 DESA MAWAR, LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, FARLIM 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG Penjamin 1 : MATHIALAGAN A/L N RAMASAMY - 54102202**** 715-0-6 JALAN SUNGAI NIBONG 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG Penjamin 2 : VICNESWARI A/P SELVADURAI - 84021807**** 115-5-12, RUMAH PANGSA JALAN KEDAH 10050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10580 SHARIFAH SHAHNAZ BT SYED BAHARUDDIN - 80073007**** 17-2-2 LEBUH MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG Penjamin 1 : SYED BAHARUDDIN BIN SYED HASHIM - 53122008**** 17-2-2 LEBUH MAHSURI, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG Penjamin 2 : SULAIMAN BIN MOHAMED - 56051908**** 94 PERSIARAN MAYANG PASIR 4, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 10584 IZYANI BINTI ZARAIE - 86050235**** A-15-07 FLORA DAMANSARA, JALAN PJU 8/9, BANDAR DAMANSARA PERDANA 47820 PETALING JAYA, SELANGOR Penjamin 1 : ZARAIE BIN MOHD NORDIN - R/F 97**** A2 T-10, U-05 PANGSAPURI PUTERA HARMONI, JALAN P9B, PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA Penjamin 2 : AMINAH BINTI MOHD DAN - 52052408**** 04-09-08 RUMAH PANGSA DESA TUN RAZAK, JALAN 9/118B, BANDAR TUN RAZAK, 56000 CHERAS, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam : 10586 ANAS AHMAD BIN IBNU HAJAR - 87100807**** 8-5-5 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, JALAN PATANI 10150 PULAU PINANG Penjamin 1 : IBNU HAJAR BIN ARLAH PITCHAY - 59112007**** 8-5-5 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, JALAN PATANI 10150 PULAU PINANG Penjamin 2 : LEMAN OMAR BIN MOHAMED YUSOP - 78022208**** 711-2-13 FLAT TAMAN EMAS 11920 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 10588 IRYANTI BINTI MOHAMAD DESA - 87051507**** 225 JALAN SHAIK EUSOFF, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG Penjamin 1 : IRYANI BINTI MOHAMAD DESA - 76101007**** NO. 225 JALAN SHAIK EUSOFF 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG Penjamin 2 : ZULKIFLEE BIN HASSAN - 70081407**** NO. 225 JALAN SHAIK EUSOFF 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG		No Akaun Peminjam : 10589 MUHAMAD HELMI BIN MOHD ZAINUDDIN - 87010235**** NO.11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS Penjamin 1 : ZANITA BINTI MOHAMAD ZAINUDDIN - 71052307**** 11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS Penjamin 2 : HAIRUL HARIRI BIN MOHAMAD ZAINUDDIN - 79072407**** 11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	

George Town ke arah 'cashless city'

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini sedang mengorak langkah dalam menjadikan George Town sebagai 'cashless city'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa masyarakat tanpa tunai atau 'cashless society' merupakan trend terkini yang semakin diterima ramai.

Menurutnya, sejajar dengan perkembangan teknologi dan kemunculan era revolusi industri 4.0, bidang pengurusan kewangan menjadi semakin canggih.

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa hasrat menjadikan George Town sebagai bandar raya tanpa tunai atau 'cashless city' memerlukan kerjasama semua pihak terutama golongan penjaja dan komuniti peniaga.

"Pulau Pinang antara negeri yang paling banyak menggunakan transaksi tanpa tunai di Malaysia.

"(Dan) ia merupakan salah satu indikator dalam menuju bandar raya yang maju," ujar Kon Yeow ketika hadir merasmikan Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2019 di Padang Kota Lama dekat sini 14 Disember 2019.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali; Ahli-ahli Majlis MBPP serta jawatankuasa penganjur sambutan berkaitan.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menyeru semua penjaja dan komuniti peniaga supaya sentiasa proaktif dalam mencari alternatif serta inovasi bagi



KETUA Menteri, jawatankuasa penganjur dan sebahagian pemenang merakam gambar kenangan sejeurus pengumuman keputusan pertandingan bersempena Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2019 di sini baru-baru ini.

memastikan produk jualan memenuhi kehendak pengguna.

"Kita (rakyat dan pimpinan negeri) perlu berusaha mempertahankan pengiktirafan yang diterima sebagai 'World's No. 1 Destination for Food Lovers' (Destinasi untuk Penggemar Makanan No. 1 Di Dunia) daripada *Lonely Planet*.

"(Dan) lain-lain pengiktirafan yang diterima sebelum ini kerana ia memberi kelebihan kepada kita khasnya golongan penjaja serta komuniti peniaga untuk meningkatkan ekonomi keluarga selaras dengan Visi Penang 2030.

"Masyarakat juga perlu memahami dan menyokong segala usaha, segala kempen serta polisi yang diperkenalkan untuk memastikan Pulau Pinang terus dikenali sebagai salah satu destinasi pilihan penggemar makanan seluruh dunia," katanya.

Dalam pada itu, Tung Seang dalam



SEBAHAGIAN penjaja dan peniaga yang mengambil bahagian.

ucapannya turut menyeru para penjaja dan komuniti peniaga di negeri ini agar memaparkan imej yang baik dan bersih serta mementingkan keselamatan makanan.

"Pengurusan premis makanan yang baik akan membantu memperkukuhkan serta membawa kemajuan kepada penjaja dan komuniti peniaga.

"Oleh demikian, pemeriksaan dan pengredan premis makanan serta gerai penjaja giat dijalankan.

"Malah, pihak MBPP juga mewajibkan pemasangan perangkap minyak di premis makanan bagi memastikan kebersihan tempat makanan terjaga," jelasnya.

Sebagai rekod, Tung Seang memaklumkan bahawa 95 peratus premis di pasar dan kompleks penjaja di bawah pihak berkuasa tempatan itu telah mencapai Gred A dan B.

"Manakala, bagi establisymen makanan pula, 95.8 peratus telah mencapai Gred A dan B.

"Saya berharap baki 5 peratus (Gred C) lagi dapat mempertingkatkan tahap kebersihan di premis masing-masing.

"Sokonglah kempen larangan penggunaan plastik sekali guna, amalkan pengasingan sisa di punca dan pastikan premis anda dipasang dengan perangkap minyak dalam menjamin kebersihan serta keselamatan makanan kepada pengunjung," serunya.

Dalam sambutan sama, beberapa penjaja dan komuniti peniaga menerima penganugerahan atas sumbangan serta inisiatif bagi memastikan kebersihan premis.

Antaranya, Starbucks, Jalan Batu Ferringhi yang menerima Anugerah Restoran Terbaik; Restoran Nasi Kandar Pelita, Jalan Macalister (Anugerah Restoran Nasi Kandar Terbaik); Hotel Homptoms, Jalan Tanjong Tokong (Anugerah Restoran Dalam Hotel Terbaik); KFC Tesco Tanjung Pinang (Anugerah Restoran Makanan Segera Terbaik); Kim Poh Cuisine, Jalan Van Praagh (Anugerah Kedai Kopi Terbaik); Kobe Precision Technology Sdn. Bhd. (Anugerah Khas bagi Industri) dan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. (Anugerah Khas bagi Trade dan Perniagaan).

Turut menerima penganugerahan ialah beberapa peniaga terpilih di Kompleks Makanan bawah MBPP serta Pengurusan Pasar Malam Terbaik.

Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga disambut saban tahun sejak 1996 dan MBPP menjadi satu-satunya pihak berkuasa tempatan di Malaysia yang masih menyambutnya.



SEBAHAGIAN pengunjung yang memenuhi lokasi penganjuran.





SKIM PINJAMAN HARAPAN NEGERI PULAU PINANG

**PERLUKAN MODAL TAMBAHAN?
INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN?**

**DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERA!!!!
TANPA CAGARAN DAN PENJAMIN**

MUDAH DAN TIDAK MEMBEBAKAN

TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM

PINJAMAN PERNIAGAAN DARI RM 1 000.00 HINGGA RM 25 000.00


*tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan yang ditetapkan

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai Lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC
Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366

Tahniah!



KEPADA PEJABAT-PEJABAT YANG TELAH DISAHKAN SEBAGAI PEJABAT HIJAU PULAU PINANG 2019

1. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya
2. Tekun Nasional Pulau Pinang
3. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, PSUKPP
4. Jabatan Perbendaharaan, MBPP
5. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (TAMAN SELAT)
6. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (SUNGAI JAWI)
7. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (KOMTAR LEVEL 33)
8. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (SUNGAI DUA)
9. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (BUKIT MERTA JAM)
10. Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang
11. Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
12. Unit Audit Dalam, PSUKPP
13. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
14. Institut Integriti Negeri Pulau Pinang
15. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
16. Bahagian Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Kejuruteraan, MBPP
17. Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI)
18. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, PSUKPP
19. Unit Integriti, PSUKPP
20. Pejabat Kutipan Hasil, MBPP
21. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dewan Bandaraya, MBPP
22. Jabatan Kesihatan, MBPP
23. Pejabat Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir
24. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
25. Bahagian Kerajaan Tempatan
26. Majlis Sukan Negeri, PSUKPP
27. Sunway Hotel Seberang Jaya
28. Sunway Hotel Georgetown
29. Olive Tree Concepts Sdn Bhd
30. Furutec Electrical Sdn Bhd
31. Molex (Malaysia) Sdn Bhd
32. NRS Process Systems Sdn Bhd
33. IHS Global (Malaysia) Sdn Bhd
34. Cycle Trend Industries Sdn Bhd
35. The Light Hotel (M) Sdn Bhd
36. Cradotex (M) Sdn Bhd
37. Jinko Solar Technology Sdn Bhd
38. Kalyx Consultants Sdn Bhd
39. Church of Divine Mercy
40. Toray Malaysia Systems Solution Sdn Bhd
41. Sony EMCS (Malaysia) Sdn Bhd
42. Dell Global Business Center Sdn Bhd (BAYAN LEPAS)
43. Dell Global Business Center Sdn Bhd (BUKIT TENGAH)



PGO, Pulau Pinang terus komited beri sokongan padu

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

TELUK BAHANG - Kempen hentikan keganasan terhadap wanita 'Penang Goes Orange' (PGO) anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilihat mendapat kerjasama padu daripada pelbagai pihak.

Lantaran itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melahirkan rasa syukur kerana Kerajaan Negeri mempunyai rakan strategik, penaja serta pihak-pihak yang menjalinkan kerjasama dalam menjayakan kempen tersebut.

"Semua pihak menunjukkan sokongan yang padu sehingga kita (Kerajaan Negeri) berjaya menarik penyertaan komuniti daripada pelbagai peringkat usia serta latar belakang untuk menyertai PGO," ujar beliau semasa merasmikan acara penutup Kempen PGO dekat Taman Tema Escape di sini pada 7 Disember lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan Ketua Pegawai Eksekutif Sim Leisure, Sim Choo Kheng.



KETUA Menteri bersama-sama Chong Eng dan barisan tetamu jemputan, ahli-ahli jawatankuasa serta para peserta menunjukkan tanda sokongan terhadap kempen hentikan keganasan terhadap wanita sempena Majlis Penutup Kempen PGO 2019 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menganjurkan kempen PGO bersama-sama PWDC sebagai acara tahunan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap masalah keganasan terhadap golongan wanita.

"Sejak 2014, kita di Pulau Pinang tidak

pernah berhenti menyuarakan sokongan terhadap kempen-kempen berkaitan sebagai usaha menghentikan keganasan terhadap wanita termasuk kanak-kanak di negara ini.

"Hak wanita merupakan sebahagian daripada hak asasi manusia iaitu untuk bebas daripada sebarang bentuk keganasan.

"Oleh itu, anda semua sedang melakukan perkara yang betul apabila berada di sini untuk menyokong seruan bagi menghentikan keganasan berasaskan gender terutama terhadap wanita.

"Bagi kempen PGO 2019, Kerajaan Negeri mengadakan pelancaran dengan menganjurkan acara berjalan kaki sejauh 2.6 kilometer (km) yang disertai kira-kira 5,000 peserta.

"Sekarang, kita tutup kempen ini dekat Taman Tema Escape dengan penyertaan kira-kira 1,000 golongan muda," katanya.

Dalam pada itu, Chong Eng memberitahu bahawa daripada 384 kes rogol yang dilaporkan di negeri sejak 2014 hingga 2018, sebanyak 212 mangsa adalah melibatkan remaja berusia antara 13 hingga 15 tahun atau bersamaan 55.2 peratus daripada jumlah kes.

"Inilah tujuan kempen PGO dianjurkan iaitu melibatkan penyertaan masyarakat daripada semua peringkat umur serta latar belakang.

"Malah, sepanjang Novemver 2019, PWDC dengan kerjasama 20 ADUN dan enam kolej telah berjaya menganjurkan 28 jelajah PGO di kawasan komuniti seperti pasar awam, pusat komuniti, kolej serta taman-taman perumahan bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap inisiatif ini," jelasnya.

Nurul Atiqah anak Pulau Pinang antara individu rentasi Antartika

GEORGE TOWN - Nurul Atiqah Tamarun, 31, merupakan salah seorang daripada tiga 'ratu ais' yang menyertai misi Ekspedisi Wanita Berkumpulan ke Antartika (AWETA) dari 18 Disember 2019 hingga 3 Januari 2020.

Nurul Atiqah yang berasal dari Sungai Dua, Seberang Perai Utara (SPU) berkata, beliau telah bersedia untuk menggalas cabaran tersebut dan menjadi kumpulan wanita

pertama negara merentasi Kutub Selatan.

"Saya telah bersedia menghadapi cabaran ini," ujarnya ringkas yang kini bertugas sebagai ahli farmasi dekat Shah Alam kepada Buletin Mutiara di sini 5 Disember lalu.

Dua individu lain yang terpilih bersama-sama Nurul Atiqah bagi menjayakan misi tersebut ialah Koperal Angkatan Tentera Malaysia, Siti Jumaidah Bensali, 34, berasal

dari Sabah dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Kementerian Dalam Negeri, Salehah Abu Nor, 33, Melaka.

Terdahulu, Nurul Atiqah mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sambil ditemani Ketua Ekspedisi AWETA, Dr. Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir di sini pada 5 Disember lalu.

Kon Yeow dalam ucapannya memuji semangat besar Nurul Atiqah yang berjaya mengharungi ujian dan latihan sukar bagi melayakkannya mewakili negara pada ekspedisi mencabar tersebut.

"Ia juga adalah kebanggaan negeri apabila wakil dari Pulau Pinang akan menyertai jelajah ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Sharifah Mazlina menjelaskan bahawa ketiga-tiga 'ratu ais' tersebut terpilih selepas berjaya mengharungi ujian mental serta fizikal yang ditetapkan AWETA, sekaligus mengetepikan 1,000 peserta lain.

"Aplikasi penyertaan ekspedisi ini dibuka sejak tahun 2017, ini adalah peluang untuk golongan muda meneroka pencapaian masing-masing.

"Tugas saya sebagai mentor adalah membimbing mereka berdasarkan pengalaman saya, justeru, diharap Nurul Atiqah dapat berkongsi pengalamannya di Pulau Pinang apabila

pulang kelak," katanya.

Ekspedisi tersebut akan merentasi Antartika sejauh 550 kilometer (km) dengan suhu serendah -68 darjah celsius menuju ke titik sifar darjah Kutub Selatan.

Misi utama adalah untuk membawa pulang kapsul yang pernah ditanam Sharifah Mazlina ketika misinya menakluk Antartika pada tahun 2004 yang terkandung amanat mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan menanam kapsul amanat Tun Dr. Mahathir Mohamad (2030) di lokasi sama.

Mengikut sumber terbaharu media tempatan, walau bagaimanapun, misi untuk membawa pulang kapsul tersebut agak mustahil ekoran objek berkenaan berkemungkinan sudah tenggelam atau berada di lokasi Pusat Penyelidikan Amerika Syarikat, manakala hasrat menanam kapsul 2030 terpaksa dikuburkan kerana Akta Antartika tidak lagi membenarkannya.

Semoga berjaya!



NURUL Atiqah Tamarun (tengah) yang diapit Ketua Menteri dan Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir (kanan sekali) pada kunjungan rasmi di sini baru-baru ini.

INFOGRAFIK MAMMO PENANG

1 APA ITU MAMMO PENANG

Program saringan mamogram percuma untuk wanita Pulau Pinang yang berumur 35 tahun dan ke atas.

2 BILA BERMULA?

2019 - 2022

3 SIAPAKAH YANG LAYAK?

Wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas & bermastautin di Pulau Pinang atau seorang pengundi di negeri ini.

4 MENGAPA SAYA PERLUKAN MAMMOGRAM

Mamogram dapat mengesan kanser payudara pada peringkat awal sebelum simptom & ketumbuhan dapat dirasai pada payudara dan mengurangkan risiko kematian disebabkan kanser payudara.

5 BAGAIMANA SAYA MAHU MENYERTAI PROGRAM INI?

Daftar di Klinik Nur Sejahtera LPPKN & di Pusat Khidmat KADUN

6 JIKA LAYAK?

Pemohon yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara klinikal oleh jururawat.

LPPKN tetapan temujanji dengan pusat mamogram yang berdaftar dengan LPPKN.

Antaranya:

- Lam Wah Ee
- Gleneagles Medical Centre
- Bagan Specialist Centre
- Pusat Diagnostik Anda
- Penang Adventist Hospital
- KPJ Penang Specialist Hospital

7 PERSEDIAAN SEBELUM MENJALANI MAMMOGRAM

- Lakukan pemeriksaan seminggu selepas haid kerana pada masa itu payudara kurang sensitif.
- Tidak menggunakan deodoran, bedak, minyak wangi, krim, pada bahagian dada & ketiak kerana ia akan menjejaskan keputusan mamogram
- Tidak menyusui bayi dan mengandung
- Pakai pakaian yang sesuai kerana pakaian atas perlu ditanggalkan semasa pemeriksaan

8 BAGAIMANA SEKIRANYA KEPUTUSAN MAMMOGRAM SAYA ABNORMAL?

Anda akan dirujuk kepada hospital atau pusat perubatan untuk penyalatan lanjut. Keputusan mamogram abnormal tidak semestinya anda mempunyai kanser. Pakar akan melakukan penyalatan lanjut dan akan memberi nasihat dan rawatan yang bersesuaian.

Penang 2030 LPPKN W I PENANGSIHAT

Naik taraf surau Kampung Tengah demi keselesaan jemaah

Teks & Gambar: **NORSHAHIDA YUSOFF**

AIR ITAM – Surau Kampung Tengah, Jalan Sheikh Eusoff di sini siap dinaik taraf pada 6 Disember lalu dengan kos keseluruhan RM41,337.70 di bawah peruntukan Ahli Parlimen (MP) Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Ramkarpal berkata, kerja-kerja naik taraf yang mengambil masa dua bulan tersebut melibatkan beberapa komponen seperti menukar bumbung, pemasangan jubin lantai, pembaikan tempat wuduk, penggantian talang air hujan serta lain-lain.

“Diharap dengan penaiktarafan ini, ia akan memberikan lebih keselesaan kepada penduduk dan pengguna (jemaah) surau ini.

“Terdahulu, sejumlah RM6,770 juga telah diperuntukkan untuk pemasangan alat siar raya di surau ini pada September lalu.

“Justeru, sekiranya ada sebarang permohonan tambahan, pihak saya akan mempertimbangkannya

demi keselesaan penduduk dan pengguna surau,” ujarnya yang ditemui sejurus merasmikan Sambutan Hari Keluarga Kampung Tengah, Jalan Sheikh Eusoff di sini 21 Disember lalu.

Hadir sama, Pegawai Seranta ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) Air Itam, Quah Tze Thoon dan Pengerusi Surau Kampung Tengah, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman.

Difahamkan bahawa surau yang mampu menampung 300 jemaah muslimin dan muslimat pada satu-satu masa tersebut belum pernah dinaik taraf sejak didirikan pada tahun 2009.

RAMKARPAL Singh (tiga dari kanan) bersama-sama pihak berkaitan mengadakan lawatan khas ke Surau Kampung Tengah, Jalan Sheikh Eusoff bagi meninjau kerja-kerja naik taraf yang dijalankan sebelum ini di sini baru-baru ini.



Pelaksanaan kutipan cukai bagi petak atau blok sementara di negeri Pulau Pinang

CUKAI bagi petak atau blok sementara di Negeri Pulau Pinang telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 melalui pemberitahuan Warta P.U (B) 714 bertarikh 21 Disember 2018. Selain negeri Pulau Pinang, negeri Selangor dan Melaka telah melaksanakan kaedah yang sama dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bakal melaksanakannya pada tahun hadapan.

Cukai petak ini menggantikan cukai tanah yang sedia ada bagi bangunan strata yang memiliki hakmilik strata di negeri Pulau Pinang. Setiap pemilik petak akan menerima bil cukai petak masing-masing dan mereka bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran tersebut. Pemilik petak tidak perlu membayar caruman cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan (MC) tetapi caj penyelenggaraan (*maintenance fees*) masih perlu dibayar kepada MC.

Bagi mana-mana bangunan berstrata yang belum memiliki hakmilik strata, cukai tanah akan dikenakan seperti biasa kepada MC sehingga hakmilik strata didaftarkan. Mereka tidak perlu membuat bayaran cukai petak tetapi hanya perlu membayar caruman cukai tanah kepada MC dan MC bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran cukai tanah tersebut kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

Bagi tahun ini, bil cukai petak akan diedarkan secara berperingkat mulai bulan November 2019 melalui MC. Sebanyak 224,303 bilangan petak melibatkan 1,796 skim dijangka akan menerima bil cukai petak pada tahun ini. Bil cukai petak bagi tahun 2020 akan diedarkan bermula Januari 2020 melalui MC kepada setiap pemilik petak.

Walaubagaimanapun, pemilik petak masih boleh membuat bayaran cukai petak di mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah sekiranya bil cukai petak masih belum diterima.

Pembayaran boleh dilakukan melalui dua (2) kaedah:

- kaunter Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang
- secara atas talian di portal <http://ebayar.penang.gov.my> mulai **1 Januari 2020**

Bagi pembayaran cukai petak tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan supaya pemilik petak boleh membuat bayaran cukai petak sehingga atau pada **31 MEI 2020 tanpa dikenakan caj denda lewat.**

Pemilik petak boleh membuat pengemaskinian seperti nama, alamat surat-menyurat dan maklumat lain yang berkaitan melalui:

- Borang NA(2) – Borang boleh diperoleh di:

ANDA BIJAK KERANA MEMBAYAR CUKAI PETAK LEBIH AWAL
(PENGECUALIAN KHAS)

Pemilik petak boleh membuat pengemaskinian nama, alamat surat-menyurat dan maklumat lain melalui:

2 cara memudahkan anda untuk membuat pembayaran

- 1 Kaunter**
Pilih mana-mana kaunter bayaran yang berhampiran dengan anda
- 2 Online**
Pembayaran secara atas talian di <http://ebayar.penang.gov.my> mulai Januari 2020

Kaunter Bayaran

Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara 13200 Kepala Batas Pulau Pinang Tel: 04-577 6618 Fax: 04-577 6668 http://spu.penang.gov.my	Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah Jalan Berek, Sg. Rambai 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang Tel: 04-548 8815 Fax: 04-538 9549 http://sptgk.penang.gov.my	Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan 14200 Sungai Jawi Pulau Pinang Tel: 04-585 7851 Fax: 04-582 1003 http://sps.penang.gov.my	Pejabat Daerah & Tanah Daerah Timur Laut Tingkat 50 & 51 10000 KOMTAR Pulau Pinang Tel: 04-650 5290 Fax: 04-263 6587 http://dtl.penang.gov.my	Pejabat Daerah & Tanah Daerah Barat Daya 11000 Balik Pulau Pulau Pinang Tel: 04-868 9455 Fax: 04-869 1171 http://dbd.penang.gov.my
--	--	---	--	--

Online Pengemaskinian secara atas talian melalui PTG Bil di <http://etnab.penang.gov.my>

Didasarkan oleh: Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
Tingkat 22, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Tel: 04-650 5805 Fax: 04-251 9307
<http://ptg.penang.gov.my>

FPX **Mastercard** **VISA**

- o Kaunter Hasil Pejabat Daerah dan Tanah
- o Kaunter Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang

• Sistem PTGBil (atas talian) – etnab.penang.gov.my

Jumlah cukai petak yang dikenakan bagi setiap petak adalah berbeza dari pembayaran caruman cukai tanah kepada MC/JMB sebelum ini. Ini adalah kerana cukai petak bagi setiap petak bergantung kepada keluasan petak dan petak aksesori masing-masing. Kemudahan masyarakat bersama (*Common Property*) dalam pembangunan berstrata seperti kolam renang, taman permainan, gimnasium dan sebagainya tidak dikenakan cukai petak.

Faedah pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara adalah:

- memudahkan pembayaran cukai secara per unit
- tidak perlu membayar cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan lagi
- dapat mengurangkan masalah yang timbul semasa transaksi urusanniaga dan bukan urusanniaga petak seperti pindah milik
- memudahkan urusan pusaka dilaksanakan

Pelaksanaan cukai petak atau blok sementara membolehkan pemilik petak strata untuk membuat pembayaran cukai petak masing-masing terus ke Pejabat Daerah dan Tanah dan mendapatkan resit pembayarannya dengan mudah. Resit pembayaran cukai petak merupakan salah satu syarat untuk menjalankan transaksi urusanniaga seperti pindahmilik bagi petak berstrata berkenaan. Kerajaan Negeri berharap hebahan ini dapat memaklumkan semua pemilik hakmilik strata mengenai pelaksanaan kutipan cukai petak dan seterusnya dapat memberi kesedaran kepada semua pemilik petak untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pemilik petak boleh menghubungi:

(i) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
Tel - 04-577 6618

Email - <http://spu.penang.gov.my>

(ii) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Tel - 04-548 8915

Email - <http://spt.penang.gov.my>

(iii) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
Tel - 04-585 7851

Email - <http://sps.penang.gov.my>

(iv) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tel - 04-650 5290

Email - <http://dtl.penang.gov.my>

(v) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
Tel - 04-868 9455

Email - <http://dbd.penang.gov.my>

(vi) Bahagian Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
Tel - 04-650 5805

Email - <http://ptg.penang.gov.my>

Naik taraf ruang menunggu stesen atas demi keselesaan pengunjung

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

AIR PUTIH – Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) bakal memulakan kerja-kerja naik taraf pakej keempat yang merangkumi penambahbaikan ruang menunggu di stesen atas pada pertengahan tahun 2020.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, ruang menunggu di stesen atas kini adalah amat terhad khususnya kepada para pengunjung Bukit Bendera.

“Di *upper station* (stesen atas), sekarang memang kekangan besar berhubung ruang menunggu yang amat kecil, justeru fasa keempat bakal melibatkan penambahbaikan *upper station* (stesen atas) bagi menambah ruang berkaitan kepada pelawat yang mahu turun ke kaki bukit.

“Projek ini dijangka akan dimulakan pada pertengahan 2020 dengan anggaran perbelanjaan beberapa juta ringgit sebab kita nak pastikan pengalaman para pelancong di sini adalah terjamin.

“Kalau orang ramai perlu tunggu dua tiga jam dalam keadaan yang sesak lebih-lebih lagi apabila hujan, *upper station* (stesen atas) akan menjadi satu tempat yang ‘kecoh’,” ujarinya pada sidang media sejurus sesi lawatan Pengumuman Selesai Empat Projek Pemulihan dan Penambahbaikan Infrastruktur Bukit Bendera di sini 9 Disember 2019.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; ADUN Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar dan Pengurus Besar PHC, Dato’ Cheok Lay Leng.

Tambah Kon Yeow, dengan kemudahan ruang dua tingkat berserta kawasan yang mencukupi dan di sekitarnya seperti astaka serta kafe, kawasan atas boleh menampung kapasiti 2,000 pengunjung.



SALAH satu tarikan di *The Habitat*, Bukit Bendera.

Dalam lawatan tersebut, delegasi diketuai Kon Yeow dibawa melawat ke kawasan-kawasan terjejas akibat ribut tropika yang melanda pada November 2017 membabitkan sekitar Bukit Bendera.

Antara projek yang terlibat adalah penstabilan cerun membabitkan empat kawasan tanah runtuh di sepanjang *Upper Tunnel Road* dan cerun di kawasan kuil Sri Aruroli Thirumurugan, Masjid Bukit Bendera serta *Bel-Retiro*.

“Projek (*Upper Tunnel Road*) bermula pada 12 Septemper 2018 dan siap pada 17 Oktober 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah RM6.35 juta,” jelas Kon Yeow yang juga Pengerusi PHC.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa bagi projek di kawasan kuil dan masjid, ianya menelan belanja sebanyak RM2.73 juta dan siap pada 11 Mac 2019.

“Antara kaedah digunakan ialah *soil nailing*, *rubble pitching*, *gabion wall* dan *rubber wall*,” katanya yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap ADUN Padang Kota.

Tambah Kon Yeow, projek lain termasuk membaik pulih dan menambah baik tangki septik komunal A, B dan C bernilai RM2.47 juta, serta projek nurseri tumbuh-tumbuhan untuk pembelajaran di Jalan Tuanku Yahya Petra bernilai RM90,000.



KETUA Menteri sambil ditemani Cheok Lay Leng (dua dari kiri) dan pihak-pihak berkaitan pada sesi lawatan Pengumuman Selesai Empat Projek Pemulihan dan Penambahbaikan Infrastruktur Bukit Bendera di sini baru-baru ini.



KERETA API funikular yang menjadi salah satu tarikan Bukit Bendera.

Kadar rumah tidak terjual di Pulau Pinang terkawal

TANJONG BUNGA - Walaupun masalah rumah tidak terjual dihadapi seluruh negara, tetapi kadar pertumbuhan tersebut di Pulau Pinang adalah berkurangan pada angka satu peratus.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa agensi Persekutuan, Data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) mendedahkan bahawa jumlah rumah tidak terjual sehingga suku kedua tahun 2019 (2Q19) di negeri ini adalah sebanyak 3,929 unit berbanding tempoh sama (2Q18) pada tahun sebelumnya, 3,958 unit iaitu dengan angka merosot sebanyak 1 peratus (-1%).

“Isu rumah tidak terjual berlaku di seluruh Malaysia, bukan sahaja di sini (Pulau Pinang).

“Kalau kita lihat pada unit-unit rumah yang tidak dijual, Pulau Pinang terkawal berbanding bandar raya lain di tanah air ini.

“Selalu saya sebut, walaupun di Pulau Pinang juga ada masalah rumah tidak

terjual, tapi ia dapat dikawal,” jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) pada 9 Disember 2019.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan acara penyerahan 1,320 kediaman Rumah Mampu Milik (RMM) sehingga harga RM300,000 seunit di Menara A dan B Santorini, berhampiran pasar raya Tesco Seri Tanjung Pinang di sini.

Sebanyak 835 unit RMM di Menara C Santorini, menurut Jagdeep, telahpun diserahkan dalam satu majlis berasingan pada 23 Ogos 2019.

Berdasarkan sumber NAPIC, Jagdeep memberitahu bahawa kadar rumah tidak terjual di negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor umpamanya masing-masing meningkat 19 peratus dan 3 peratus.

Justeru, menurut beliau, mulai tahun 2020, Kerajaan Negeri akan saling berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta syarikat-syarikat pemaaju swasta mengenai



JAGDEEP Singh Deo.

pembaharuan polisi ke arah mengurangkan lagi kadar rumah tidak terjual serta meningkatkan pembekalan RMM di Pulau Pinang.

“Sekarang, kita ada 102,000 unit rumah

di Pulau Pinang, tapi perancangan jangka panjang selepas melakukan beberapa pengubahsuaian (polisi perumahan sedia ada nanti) pada tahun 2030, kita (Kerajaan Negeri) berharap jumlah rumah yang dibekalkan pada tahun 2030 kelak adalah mencecah 180,000 unit,” ujarinya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Selain itu, Jagdeep turut mengulas mengenai kenyataan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Seri Mohammad Mentek berhubung pengumuman mengenai 14 Projek Perumahan Rakyat (PPR) baharu yang akan dilaksanakan mulai tahun 2020.

“Kalau 14 projek PPR baharu akan dibina di seluruh negara, saya minta agar Pulau Pinang diberikan keutamaan, memandangkan kita telahpun dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu (sebelum PRU14) yang mana kita (Pulau Pinang) dari sudut mempunyai PPR, adalah paling sedikit berbanding negeri-negeri lain,” tegasnya.

Warga asing berniaga secara haram di pasar malam bakal berdepan tindakan

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

PAYA TERUBONG – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi menggempur warga asing yang berniaga secara haram di tapak-tapak pasar malam bawah kawasan pentadbirannya berdasarkan maklum balas diterima dari semasa ke semasa.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam MBPP, Ahmad Azrizal Tahir berkata bahawa langkah itu adalah selaras dengan peraturan yang termaktub dalam Undang-undang Kecil Majlis.

“MBPP ingin menegaskan bahawa warga asing tidak dibenarkan sama sekali menjaja di pasar malam, keutamaan adalah diberikan kepada penaja tempatan berstatus warganegara sahaja.

“Sekiranya memperoleh maklumat, kita (MBPP) akan bekerjasama dengan pihak Imigresen bagi mengambil tindakan lanjut,” ujarnya pada sidang media di tapak pasar malam dekat Halaman Paya Terubong 1, Relau di sini baru-baru ini.

Ahmad Tahir yang juga Ahli Majlis MBPP sebelum itu turut turun padang bersama-sama beberapa wakil pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melihat sendiri penyusunan baharu tapak pasar malam berkenaan yang sebelum ini

menjadi isu di laman sosial.

Jelas beliau, MBPP telah menerima aduan berhubung kesesakan lalu lintas yang berpunca daripada aktiviti pasar malam di sini pada setiap hari Sabtu dan Isnin.

“Ekoran itu, MBPP telah mengarahkan penganjur iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sri Relau untuk menjalankan penyusunan tapak semula yang mana penaja telah diminta untuk berpindah ke bahagian tengah bagi membenarkan satu laluan (belakang penaja) dikhaskan untuk laluan kenderaan.

“Keputusan ini telah menyebabkan pihak Majlis ditohmah dan dakwaan bahawa MBPP ingin mengarahkan penutupan pasar malam serta menindas Bumiputera adalah tidak benar sama sekali.

“Bagi menjelaskan isu ini, satu sesi dialog bersama-sama penaja telah diadakan pada 3 Oktober 2019 dan pada 18 November 2019, turut dijalankan satu kajian kepuasan penyusunan tapak pasar malam terhadap perniagaan serta orang awam turut dilakukan, rata-ratanya memberikan respons positif.

“Adalah menjadi hasrat MBPP untuk memastikan semua aktiviti yang berkaitan dengan pasar malam diuruskan dengan baik dan tidak mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat,” kata Ahmad Azrizal Tahir.



AHMAD Azrizal Tahir (kanan sekali) menyerahkan poster 'Kempen Tak Nak Straw' kepada salah seorang penaja minuman di pasar malam Halaman Paya Terubong 1 di sini baru-baru ini.

Hadiah wang tunai kepada pembayar cukai taksiran bertuah

SEBERANG JAYA – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menganjurkan Promosi Hebat Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2020 mulai 1 Disember 2019 sehingga 29 Februari ini.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pemenang cabutan bertuah pada kali ini berpeluang membawa pulang hadiah wang tunai sehingga RM8,000.

Tambah beliau, MBSP juga menyediakan 4,000 unit cenderamata kepada pembayar cukai yang terawal menjelaskan bil cukai taksiran setahun serta layak menyertai cabutan bertuah.

“Pembayar cukai perlu mematuhi beberapa kriteria yang ditetapkan bagi melayakkan mereka terpilih dalam cabutan bertuah termasuk membayar keseluruhan cukai setahun bagi tahun 2020 berserta jumlah tunggakan sekiranya ada.

“Selain itu, pembayaran perlu dibuat dalam tempoh ditetapkan iaitu mulai 1 Disember 2019 hingga 29 Februari 2020.

“Pembayaran boleh dibuat secara online, di kiosk, laman web, dan ejen-ejen sah yang dilantik serta semua kaunter MBSP,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Menara Bandaraya di sini 4 Disember lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MBSP.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa sebanyak 45 hadiah menarik dan



SR. Rozali Mohamud.

lumayan disediakan bagi promosi tahun 2020.

“Sebanyak 40 hadiah bagi Kategori A iaitu bayaran secara *online*, ejen kutipan serta di kiosk, manakala lima hadiah lagi bagi bayaran di kaunter MBSP (Kategori B).

“Oleh itu, pembayar cukai digalakkan membuat bayaran secara *online* di laman web MBSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui ejen-ejen yang sah serta kiosk *Paylink* di seluruh negara kerana ia lebih mudah dan menjimatkan masa,” ujarnya.

Difahamkan, pembayar cukai bagi

Kategori A adalah layak memenangi wang tunai berjumlah RM8,000 bagi tempat pertama; tempat kedua (RM4,000) manakala tempat ketiga (RM2,000).

Pemenang di tempat keempat hingga ketujuh pula masing-masing akan membawa pulang wang tunai RM1,000, manakala selebihnya bakal memenangi peralatan sukan, perkakasan teknologi maklumat serta peralatan rumah dan elektrik.

Bagi maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah, sila layari laman web www.mbsp.gov.my atau hubungi talian 04 - 5497 470/471/697/469/790.

Garis panduan khas untuk pusat jagaan ibu berpantang



WONG Yuee Harng.

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan mengeluarkan garis panduannya sendiri berhubung pengoperasian pusat penjagaan ibu berpantang di sini.

Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng berkata bahawa MBPP dijangka mempunyai garis panduannya sendiri untuk memastikan pusat-pusat penjagaan ibu berpantang dapat beroperasi tanpa sebarang masalah.

“Melalui garis panduan tersebut, MBPP mempunyai kuasa untuk mengawal premis daripada segi struktur bangunan, zon dan juga pelesenannya.

“Tetapi, garis panduan ini tidak tertakluk kepada operasi pusat-pusat yang bukan berada di bawah Majlis,” ujarnya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis di sini 13 Disember 2019.

Hadir sama, Datuk Bandar, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Ahli Majlis, Nur Zarina Zakaria.

Status OKU bukan penghalang sumbang bakti kepada masyarakat

DR. Florance Sinniah.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SABAN tahun, kita menyaksikan pelbagai kisah kejayaan yang dicapai oleh golongan wanita dalam pelbagai bidang di negara ini termasuk pendidikan, ekonomi, politik, sosial dan banyak lagi sehingga memberi inspirasi kepada masyarakat umum.

Namun, ia memerlukan semangat dan keberanian luar biasa bagi golongan orang kurang upaya (OKU) seperti S. N. Sheila Dewi, 55, untuk berada pada tahap yang sama khususnya untuk menyumbang bakti kepada masyarakat, negeri serta negara.

Beliau yang lebih mesra dipanggil Sheila berdepan detik sukar apabila kehilangan kedua-dua belah kaki akibat masalah kesihatan yang dihidapinya sejak lima tahun lalu.

Walau bagaimanapun, kekurangan tersebut tidak mematahkan semangat Sheila untuk mengecapi kejayaan dan

menyumbang bakti kepada masyarakat.

Hilang kedua-dua kaki

Bercerita lanjut, Sheila memberitahu bahawa kedua-dua kakinya terpaksa dipotong akibat penyakit masalah kesihatan yang menyebabkan beliau kini perlu bergerak menggunakan kerusi roda.

“Sebelum ini, saya hanya bekerja sebagai pemandu van kilang tapi terpaksa berhenti selepas sebelah kaki saya terpaksa dipotong kira-kira empat tahun lalu, dan pada tahun ini saya juga hilang sebelah lagi kaki akibat penyakit sama.”

“Selepas berhenti kerja, saya buat keputusan untuk berniaga dan saya mulakan dengan perniagaan katering secara kecil-kecilan sejak tiga tahun lalu.

“Syukur, dengan bantuan daripada anak perempuan saya, hari ini perniagaan sudah bertambah maju dan tempahan katering juga semakin banyak,” katanya yang mempunyai empat cahaya mata.

Menurut Sheila, setiap individu harus mempunyai kekuatan untuk menghadapi apa juga rintangan dalam hidup agar tidak terlalu bergantung kepada orang lain.

“Bagi saya, setiap manusia di dunia ini ada ujian dan cabaran tersendiri dalam hidup mereka, tapi yang paling penting adalah bagaimana kita mendepani cabaran itu.

“Kita tidak boleh terlalu bergantung harap kepada orang lain kerana mereka juga ada komitmen tersendiri. Oleh itu, cara terbaik adalah dengan berdikari dan harus punyai jati diri dalam menjalani kehidupan.

“Oleh itu, walaupun kehilangan kaki tapi

saya yakin dengan kedua-dua tangan yang masih ada, saya tetap mampu berdikari dan pada masa sama dapat menyumbang bakti kepada masyarakat terutamanya golongan wanita yang memerlukan,” ujarnya.

Terlibat dengan kerja sukarelawan

Mengulas lanjut, Sheila menyatakan bahawa kesedaran untuk membantu masyarakat yang memerlukan secara lebih serius timbul beberapa tahun lalu selepas beliau mula diperkenalkan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Sneham Center* pada awal 2019.

“Selepas perniagaan katering saya bertambah maju, saya buat keputusan untuk berkongsi rezeki yang saya ada bersama-sama mereka yang memerlukan.

“Pada mulanya, saya hanya menjalankan kerja sukarelawan dengan mengajar kanak-kanak di MGR Center Bukit Mertajam selama dua tahun.

“Selain mengajar, saya juga membantu menyediakan sarapan pagi untuk kanak-kanak yang kurang berkemampuan di pusat berkenaan secara percuma.

“(Dan) selepas diperkenalkan dengan *Sneham Center*, saya berazam mahu membantu masyarakat melalui kerja sukarelawan secara lebih serius kerana di pusat ini saya tidak terikat dengan masa,” jelasnya mengakhiri bicara.

Sneham Center

Dalam pada itu, Buletin Mutiara juga berkesempatan menemubual pengasas yang juga Presiden *Sneham Center*, Dr. Florance Sinniah untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan khidmat masyarakat yang disediakan oleh pusat berkaitan.

Menurut Florance, *Sneham Center* merupakan sebuah NGO yang menyediakan khidmat sokongan emosi kepada mangsa cubaan bunuh diri.

Ulas beliau, terbaharu, pihaknya telah melancarkan khidmat bantuan bebas tol (1800 22 5757) untuk memberikan sokongan emosi serta kaunseling kepada mereka yang mengalami tekanan perasaan atau mempunyai niat untuk membunuh diri.

“Talian ini diperkenalkan sejak 14 Januari 2019 dengan menyasarkan mereka yang ingin berkomunikasi terutamanya dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu serta Bahasa Inggeris.

“Sebagai makluman, kami menjadi NGO pertama di negara ini yang menawarkan perkhidmatan kaunseling dalam bahasa Tamil,” katanya.

Mengulas lanjut, Florance menjelaskan bahawa idea menubuhkan NGO bagi membantu mereka yang menderita masalah kesihatan mental muncul pertama kali pada tahun 2017.

“Pada 2010, saya mula sertai NGO *Penang Befrienders* sebelum membuat keputusan membuka *Sneham Center* dengan sokongan daripada Unit Transformasi India Malaysia (MITRA).

“Objektif kami adalah untuk mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai pencegahan bunuh diri serta memberikan sokongan kaunseling serta emosi kepada mereka yang tertekan atau mempunyai niat untuk membunuh diri.

“Selain komunikasi dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, kami juga menawarkan khidmat dalam bahasa Tamil sebagai satu lagi bahasa tambahan bagi memudahkan lagi komunikasi,” jelasnya.

Difahamkan, bantuan bebas tol *Sneham Center* dibuka setiap hari dari jam 4 petang hingga 8 malam.

Bagi mereka yang ingin berkomunikasi dalam bahasa Tamil terutamanya dan juga dalam bahasa Malaysia serta bahasa Inggeris, boleh menghubungi SNEHAM di talian 1800 22 5757 setiap hari dari jam 4 petang hingga 8 malam.



S. N. Sheila Dewi.



Mangsa kebakaran dapat rumah ganti sumbangan MP

DATUK KERAMAT - Rumah ganti sumbangan Ahli Parlimen (MP) Jelutong, R.S.N. Rayer bernilai RM50,000 kepada Hasnah Ahmad, 63, dekat Kampung Dodol di sini dijangka siap pada Januari 2020.

Rayer memberitahu perkara tersebut ketika beliau bersama-sama Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat mengadakan lawatan tapak di sini 13 Disember lalu.

“Selepas ini, kami akan bersama-sama sumbangkan perkakas rumah seperti almari, peti ais, televisyen, sofa, katil dan sebagainya.

“Selain itu, saya akan minta pejabat penghulu uruskan kemudahan asas untuk keluarga ini tanpa sebarang kerunsingan,” katanya.

Hadir sama, Penghulu Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (DTL), Asri Ahmad.

Hasnah ketika ditemui menzahirkan rasa syukur di atas keprihatinan Rayer dan Jagdeep yang sanggup membantu beliau membina sebuah rumah baharu.



JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan) dan R.S.N. Rayer (tiga dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke rumah Hasnah Ahmad (empat dari kiri) yang dalam proses pembinaan di Kampung Dodol dekat sini baru-baru ini.

Difahamkan, sehari sebelum sambutan Hari Raya Aidiladha Ogos lalu, kediaman Hasnah musnah dalam kebakaran akibat daripada kejadian litar pintas selepas dibadai tempas taufan lekima.

Tahun baru, MP bakal tumpu program kemasyarakatan

BUKIT TAMBUN -

Ahli Parlimen (MP) Batu Kawan, P. Kasthuriraani memperuntukkan RM19,400 bagi kelengkapan enam unit peralatan senaman luar sebagai menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk Taman Perwira dekat Simpang Ampat di sini.

Menurut beliau, peralatan senaman tersebut merupakan permintaan daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Perwira.

“Penjagaan kesihatan dan kecergasan perlu diberi keutamaan oleh setiap individu, bentuk badan yang kurus sahaja adalah tidak menjamin seseorang tersebut berada dalam keadaan sihat.

“Justeru, adalah penting untuk kita menjaga pengambilan gula terutamanya dan melakukan senaman dengan konsisten bagi mencapai tahap kesihatan yang ideal,” katanya ketika ditemui pada acara penyampaian alatan senaman



P. Kasthuriraani (tengah) mencuba salah satu alatan senaman sambil merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian penduduk Taman Perwira di sini baru-baru ini.

tersebut di sini 8 Disember lalu.

Dalam pada itu, Pengerusi MPKK Taman Perwira, Ong Huai Hooi mengajak penduduk Taman Perwira untuk bersama-sama menjaga peralatan tersebut agar ia tidak rosak dan seterusnya dapat memberi manfaat kesihatan kepada semua.

Dalam perkembangan lain, Kasthuriraani melafazkan

iltizam bahawa bagi tahun 2020, beliau akan lebih menumpukan kepada program-program berbentuk kemasyarakatan di Parlimen Batu Kawan.

“Program-program yang akan saya tumpukan adalah program yang mampu membawa manfaat ekonomi, kebajikan keluarga, kesihatan, alam sekitar dan lain-lain yang difikirkan perlu,” jelasnya.

Penantian 15 tahun, lampu isyarat demi keselamatan pelajar

BAYAN LEPAS - Penantian golongan ibu bapa serta murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Teluk Kumbar selama 15 tahun untuk mendapatkan lampu isyarat bagi laluan di hadapan sekolah berkenaan akhirnya menjadi kenyataan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz berkata, kerja-kerja pembinaan lampu isyarat berkenaan telah siap sepenuhnya pada awal Disember 2019 dan kini boleh digunakan oleh murid-murid serta pengguna jalan raya lain.

Menurut beliau, kos keseluruhan bagi projek berkenaan adalah berjumlah RM265,000 termasuk kerja-kerja menaik taraf bahu jalan.

“Selepas mendengar keluhan ibu bapa tentang masalah yang dihadapi terutamanya ketika menghantar dan mengambil anak-anak dari sekolah, saya telah bangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Barat Daya (JKTD) pada awal tahun 2019.

“Saya difahamkan, permohonan untuk mendapatkan lampu isyarat ini sudah dibuat sejak 15 tahun lalu dan selepas mengambil kira aspek keselamatan murid-murid, kini kemudahan ini telahpun siap dibina.

“Justeru, pengguna (berkenderaan) yang menggunakan Jalan Teluk Kumbar dinasihati supaya lebih berhati-hati semasa melalui lintasan ini demi keselamatan murid-murid serta pejalan kaki,” serunya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, wakil-wakil agensi kerajaan, Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta komuniti setempat.

TAK NAK STRAW

Kempen Tak Nak Plastik Sekali Guna
停止使用一次性塑料产品

200 TAHUN 200年
200 tahun masa diperlukan untuk proses penguraian straw plastik
塑料吸管需花上200年才会分解

KE-8 第8
Malaysia menduduki tempat ke-8 di antara 10 negara teratas yang menyalahurus sisa plastik di dunia
马来西亚在全球10大塑料废物处理不善的国家排行榜中居第8

Penggunaan straw plastik memudaratkan hidupan laut dan alam sekitar
使用塑料吸管严重破坏了大自然与海洋生态

2030
PENANG GREEN COUNCIL

Usaha henti pencemaran perlu penglibatan semua pihak

Gambar : **ADUN**

BATU MAUNG – Sampah-sarap terutamanya bahan plastik menjadi salah satu ancaman terbesar dunia yang menyumbang kepada masalah pemanasan global serta memusnahkan ekosistem hidupan laut.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain menegaskan bahawa semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan sampah-sarap yang dibuang tidak dialirkan terus ke laut.

“Kemusnahan ekosistem ini juga mampu menyebabkan hidupan laut serta terumbu karang musnah serta pupus pada masa hadapan.

“Jadi, peranan untuk menghentikan pencemaran dan pembuangan sampah ke laut harus dipikul oleh semua pihak bagi memastikan kelestarian alam sekitar pada masa hadapan,” serunya yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan pada penganjuran Program Pembersihan Pantai dekat Kawasan Permatang Tepi Laut di sini 14 Disember lalu.

Difahamkan, sebanyak 14 kilogram (kg) botol plastik dan aluminium berjaya dikumpul oleh kira-kira 150 peserta yang mengambil bahagian dalam program tersebut.

Turut terlibat, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat, nelayan, kakitangan kilang Intel dan penduduk-penduduk tempatan.

SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.



ABDUL Halim Hussain (dua dari kanan) turut turun padang dalam penganjuran Program Pembersihan Pantai dekat Permatang Tepi Laut di sini baru-baru ini.

Buka peluang pekerjaan kepada golongan OKU

PANTAI JEREJAK – Tujuh syarikat terkemuka termasuk Intel Technology Sdn. Bhd. (Intel) mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) 2019 sebagai inisiatif membantu golongan berkaitan mencari peluang pekerjaan.

Karnival kerjaya khusus untuk golongan OKU itu telah memasuki edisi keempat pada tahun ini dan dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Modal Insan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees yang mewakili Ramasamy berkata, terdapat 487,904 OKU berdaftar dengan Kerajaan Negeri sehingga kini.

“Ramai antara golongan OKU menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tetapi dengan elaun bulanan sebanyak RM300 ia adalah tidak mencukupi untuk mereka menyara keluarga masing-masing.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri memutuskan untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

“Kita menyeru kepada setiap lapisan masyarakat untuk membuang tanggapan bahawa orang kurang upaya tidak boleh bekerja.

“Mereka juga sama seperti orang lain, dan saya yakin mereka akan berjaya jika diberi ruang serta peluang,” katanya semasa merasmikan karnival berkaitan di sini 7 Disember lalu.

Mengulas lanjut, Satees memberitahu bahawa ramai dalam kalangan OKU merupakan pemegang ijazah atau diploma yang boleh menyumbang secara positif kepada masyarakat seperti Stephen Hawking yang merupakan seorang ahli fizik teori, pakar kosmologi dan penulis terkemuka England.

“Justeru, saya berharap lebih banyak syarikat swasta boleh mengupah golongan OKU sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat mereka,” seru beliau.

Dalam pada itu, jurucakap Intel di pameran berkenaan menyatakan bahawa pihaknya mengalu-alukan pencari kerja OKU untuk memohon jawatan dalam syarikat multinasional berkenaan.

“Kami menganggap OKU sebagai pemohon kerja biasa dan mereka boleh diupah untuk bekerja di bahagian sumber manusia atau akaun selagi mereka mempunyai kelayakan dan pengalaman,” ujarnya.

Hampir 350,000 pokok berjaya ditanam sejak 2008

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

KEBUN BUNGA – Hampir 350,000 batang pokok daripada pelbagai spesies berjaya ditanam di negeri ini sejak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengambil alih tampuk pentadbiran sejak 2008 hingga Jun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen berkata, pencapaian tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu komited dalam memastikan kelestarian alam semula jadi terus terpelihara.

“Kerajaan Negeri begitu serius mahu memastikan alam semula jadi sentiasa terpelihara di sebalik pembangunan fizikal dan ekonomi yang semakin pesat.

“Kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan padu pelbagai pihak di negeri ini termasuk barisan kepimpinan, jabatan serta agensi kerajaan, pihak swasta dan paling penting adalah penglibatan komuniti itu sendiri,” ucapnyanya pada penganjuran program Mini Karnival PLANMalaysia@Pulau Pinang dekat Taman Botani, di sini 8 Disember lalu.

Turut hadir, wakil kepada Datuk Bandar MBPP, Zuraini Mat Rasit; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), P. R. Kaliyappan serta Timbalan Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Farid Ibrahim.

Selain aktiviti menanam pokok, karnival tersebut turut dimeriahkan dengan pertandingan mewarna kanak-kanak, kuiz, pameran, gerai jualan makanan minuman serta banyak lagi.

Mengulas lanjut, Zi Sen memberitahu bahawa penganjuran program berkenaan adalah sebahagian daripada langkah ke arah menyokong Visi Penang2030: Negeri Pintar,

Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasi Negara.

“Justeru, diharapkan penganjuran ini dapat meningkatkan lagi aktiviti landskap serta kualiti persekitaran negara amnya dan Pulau Pinang khasnya melalui usaha memupuk kesedaran, minat serta pengetahuan dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

“Hal ini kerana pengurusan landskap yang baik juga boleh dijadikan salah satu tarikan pelancongan dengan kewujudan persekitaran yang menarik,” ujarnya.

Difahamkan, Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara bersempena pelancaran kempen penanaman pokok di seluruh negara sejak 3 Mac 1997.



DANIEL Gooi Zi Sen (berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan, wakil-wakil penganjur dan para pemenang bagi pertandingan mewarna sempena penganjuran Karnival Mini PLANMalaysia@Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

WARNA-warni persembahan BFF 2019.

BFF lonjak elemen warisan Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI & AHMAD ADIL MUHAMAD**

BAGAN JERMAL - Acara tahunan pesta seni jalanan, Festival Pinggiran Butterworth (BFF) 2019 yang berlangsung di sekitar kawasan Jalan Jeti Lama di sini, diharap akan melonjakkan lagi elemen warisan ketara dan warisan tidak ketara di tanah besar Seberang Perai, sebagaimana Festival George Town (GTF) yang berjaya menarik pelancong berkunjung ke Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada entiti Persekutuan, Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) yang saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam meremajakan lagi bandar lama Bagan, untuk tempoh beberapa tahun ini.

“Kami (Kerajaan Negeri) berhasrat untuk mengeratkan lagi bahagian pulau dan Seberang Perai, dan kami sedang mengkaji konsep program inisiatif sebelum melaksanakan (kerja-kerja rejuvenasi bandar Bagan) ini.

“Dan, bagi saya, juga Kerajaan Negeri sendiri, kami berhasrat untuk mengubah bahagian pulau menjadi hab budaya, sementara tanah besar Seberang Perai sebagai hab inovasi,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan

Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi ketika merasmikan acara BFF di sini pada 7 Disember 2019 lalu.

Turut serta, Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu; ADUN Bagan Dalam, M. Satees serta Setiausaha Bandaraya bagi MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Tambah Kon Yeow, kajian projek peremajaan bandar yang sedang dilaksanakan di negeri ini adalah berdasarkan Visi Penang2030 iaitu pelan pembangunan masa depan negeri dalam tempoh 11 tahun sehingga 2030.

Kajian yang dimaksudkan, menurut beliau adalah termasuk penganjuran Pertandingan Pelan Reka Bentuk Induk (MDC) bagi projek Penang South Islands (PSI) pada peringkat global.

Difahamkan, pertandingan MDC PSI menerima 124 penyertaan minat daripada 25 negara, termasuk sembilan firma tempatan.

Kon Yeow sekali lagi mengulangi bahawa pentadbiran negeri komited mewujudkan pembangunan seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai dengan bandar satelit Batu Kawan bakal menjadi mercu pembangunan masa depan negeri.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama salah satu tarikan persembahan bersempena penganjuran BFF 2019 di sini baru-baru ini.

bahawa projek penarafan di Parlimen Bagan terutama di Padang Pemuda Merdeka yang berhadapan kompleks Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi baru-baru ini antara lain untuk meningkatkan daya tarikan pelancong asing serta pengunjung tempatan ke tapak

penganjuran acara tahunan BFF.

“Padang Pemuda Merdeka yang telahpun dinaik taraf ini juga akan menjadi satu lagi kemudahan untuk aktiviti budaya serta warisan di sini,” ujarnya yang juga ADUN Air Putih.



PERSEMBAHAN menarik yang mencuri tumpuan para pengunjung.



SEBAHAGIAN permainan tradisional yang mendapat perhatian kanak-kanak.